

PEMILIKAN DAN PENTADBIRAN
TANAH ADAT
1800 - 1960

NADZAN HARON

**NEGERI SEMBILAN
GEMUK BERPUPUK SEGAR BERSIRAM**

PEMILIKAN DAN PENTADBIRAN TANAH ADAT 1800 - 1960

NADZAN HARON
Arkib Sejarah Lisan
Jabatan Sejarah
Universiti Kebangsaan Malaysia

Penyelenggara
Tan Sri A. Samad Idris
Haji Muhammad Tainu

Penerbit
JAWATANKUASA PENYELIDIKAN BUDAYA
MUZIUM NEGERI, NEGERI SEMBILAN
DAN
KERAJAAN NEGERI SEMBILAN
DARUL KHUSUS.

Cetakan Pertama 1997

Hakcipta Jawatankuasa Penyelidikan Budaya, Muzium Negeri,
Negeri Sembilan
dan
Kerajaan Negeri Sembilan Darul Khusus

Hakcipta terpelihara. Tiada bahagian daripada
buku ini boleh diterbitkan semula, disimpan
untuk pengeluaran atau ditukarkan ke dalam
sebarang dengan cara elektronik, gambar,
rakaman atau sebagainya tanpa kebenaran
bertulis daripada penerbit terlebih dahulu.

Diterbitkan di Malaysia
oleh
JAWATANKUASA PENYELIDIKAN BUDAYA
MUZIAM NEGERI SEMBILAN
dan
KERAJAAN NEGERI SEMBILAN DARUL KHUSUS

Taman Seni Budaya, Muzium Negeri
Jalan Sungai Ujong, 70200 Seremban,
Negeri Sembilan Darul Khusus

Dicetak di Malaysia oleh

MALINDO PRINTERS
Lot 3, Jalan 15/17, 40000 Shah Alam
Selangor Darul Ehsan

ISBN 983 - 99849 - 5 - 0



**MENTERI BESAR
NEGERI SEMBILAN DARUL KHUSUS**



MBNS. 1.09.

MENYALURKAN PENJELASAN TERPERINCI

Rasa kebanggaan yang amat sangat haruslah dikongsi bersama oleh kita di atas kejayaan bersama menerbitkan rangkaian buku Pemilikan dan Pentadbiran Tanah Adat 1800 - 1960.

Pemaparan terperinci buku-buku ini amat bermanfaat sekali bukan sahaja sebagai bahan bacaan tetapi juga panduan dan pedoman untuk generasi mendatang.

Usaha ini juga mampu menyalurkan penjelasan terperinci kepada masyarakat umum terutama dari luar khususnya dengan kekaburan berhubung pemakaian kaedah adat di negeri ini.

Penerbitan buku-buku ini diharap akan menyemarakkan lebih ramai penulis untuk memapar dan mengutarakan bahan-bahan utama bagi memperlembapkan pemahaman yang serba komprehensif mengenai struktur adat di negeri ini.

Rakaman setinggi-tinggi tahniah di atas kejayaan ini dan semoga ia akan menghasilkan sesuatu yang baik buat kita semua selaku pewaris bangsa yang progresif.

Salam hormat,

(DATO' SERI UTAMA TAN SRI HJ MOHD ISA BIN DATO' HJ ABDUL SAMAD)

**Dari Teratak Seni
TAN SRI A. SAMAD IDRIS**



Syukur Alhamdulillah dengan keredhaan Allah Subhanahu Wataala jua Jawatankuasa Penyelidikan Budaya Muzium Negeri, Negeri Sembilan dapat menerbitkan sebuah buku lagi dalam siri penerbitan Gemuk Berpupuk Segar Bersiram yang diberi jodol **“PEMILIKAN DAN PENTADBIRAN TANAH ADAT 1800-1960”** bagi tahun 1997.

Dengan penerbitan buku ini berjumlah enam siri telah diterbitkan iaitu:-

- | | |
|-------------------------------|---|
| i) Adat Merentas Zaman | ii) Luak Tanah Mengandung |
| iii) Luak Jelebu | iv) Adat Perpatih Nilai dan Falsafahnya |
| v) Luak Johol | vi) Pemilikan dan Pentadbiran Tanah Adat
1800-1960 |

Saya mengucapkan terima kasih kepada Dr. Nadzan Haron yang telah menulis buku ini hasil kaji selidik yang telah dilakukannya secara ilmiah dan menyerahkan kepada Jawatankuasa Penyelidikan Budaya Muzium Negeri, Negeri Sembilan untuk diterbitkan.

Adalah diharapkan buku ini yang mengandungi sistem pemilikan dan pentadbiran tanah adat di Negeri Sembilan akan dapat memberikan manfaat dan menjadi sumber rujukan kepada mereka yang ingin mengetahui tentang adat di Negeri Sembilan.

Saya juga mengambil peluang untuk mengucapkan terima kasih kepada Tuan Haji Muhammad bin Tainu yang berusaha menyelenggarakan penerbitannya.

A handwritten signature in black ink, appearing to be 'S. Idris', written over a horizontal line.

(DATO' SERI UTAMA TAN SRI A. SAMAD IDRIS)

Pengerusi

Jawatankuasa Penyelidikan Budaya Muzium Negeri,
Negeri Sembilan Darul Khusus

Kandungan

	Halaman
PENGENALAN	ii - x
BAB 1	
Pemilikan dan Pentadbiran Tanah Dibawah Sistem Tradisional	1 - 41
BAB2	
Pengenalan Sistem Torrens dan Enakmen-Enakmen Pentadbiran Tanah Adat	42 - 87
BAB 3	
Kedudukan dan Peranan Ketua Adat dalam Pentadbiran Tanah	88 - 126
BAB 4	
Implikasi Dari Statut Pemilikan dan Pentadbiran	127 - 148
Kesimpulan	149 - 155
Bibliografi	156 - 158
Lampiran	159 - 234

Pengenalan

SEORANG penulis mengatakan bahawa banyak kajian telah dibuat oleh golongan pentadbir kolonial dan cendekiawan tentang perubahan sosio-ekonomi dan politik tempatan berikutan dari pelaksanaan pentadbiran kolonial, akan tetapi dalam kajian mereka itu tajuk mengenai tanah kurang mendapat perhatian, pada hal tanah merupakan soal pokok kepada masalah-masalah dan situasi tertentu dalam sejarah Malaysia.¹ Kemungkinannya tajuk tentang tanah ini tidak menarik minat pengkaji-pengkaji dari disiplin sejarah lantaran aspek-aspek yang berhubung dengan politik lebih menarik. Pegawai-pegawai tadbir kolonial pula adalah lebih cenderung mengkaji tentang segala aspek sosial, pemikiran, sikap dan kebudayaan orang Melayu kerana bidang-bidang ini lebih memberi makna kepada mereka dalam menjalankan tugas sebagai golongan yang menjajah. Memandangkan kepada kemunduran orang Melayu dalam bidang ekonomi aspek-aspek yang berhubung dengan tanah tidak seharusnya diabaikan, terutamanya terhadap tanah adat dan tanah simpanan Melayu yang sering dijadikan isu. Sejarawan juga harus memberi perhatian terhadap tajuk yang berkaitan dengan tanah, terutama tentang sistem pentadbiran dan pelaksanaan, memandangkan peripentingnya faktor tanah dalam pembangunan ekonomi, dalam penyusunan semula masyarakat dan dalam mengatasi masalah-masalah sosial.

Bekas Menteri Besar Negeri Sembilan, Dr. Mohd. Said pernah mengemukakan pendapatnya tentang Adat Perpatih khasnya tentang kelemahan sistem pentadbiran tanah adat itu dalam menghadapi cabaran pembangunan ekonomi.² Beliau telah menerbitkan beberapa siri artikel dalam akhbar *Berita Harian* Julai, 1968. Artikel pertamanya disiarkan pada 17 Julai adalah tentang sejarah awal Negeri Sembilan. Dalam siri kedua (18 Julai), beliau telah menerangkan tentang sistem 'matrilineal'; dan dalam siri ketiga (20 Julai), beliau menekankan bahawa Adat Perpatih itu tidak susah untuk difahami. Dalam siri terakhir (21 Julai) beliau

mengatakan bahawa kerajaan Negeri Sembilan mungkin terpaksa mempertimbangkan kembali sikapnya terhadap adat, kerana pada pendapat beliau penerusan adat itu menghalang pembangunan ekonomi negeri. Beliau juga mengatakan bahawa kemunduran hasil pertanian di Negeri Sembilan adalah kerana lapan puluh peratus dari tenaga yang betul-betul bertungkus-lumus mengerjakan tanah pertanian adalah kaum wanita. Tambahnya lagi kurangnya tenaga lelaki dalam penghasilan itu adalah kerana adat. Adat mengakui hak wanita keatas tanah adat dan penetapan keluarga sesudah berkahwin adalah di tempat kediaman keluarga isteri. Sistem perwarisan pula mengakibatkan pemecahan tanah dan ini turut menjatuhkan hasil ekonomi.

Dalam suatu seminar Adat Perpatih yang diadakan di Sekolah Menengah Johol dalam bulan Mei 1977 dahulu, seorang Pegawai Daerah telah memberikan pendapat beliau bahawa peraturan-peraturan adat yang dikekalkan dalam sistem pentadbiran tanah, bukan sahaja merumitkan tanggungjawab seorang Pemungut Hasil Tanah, tetapi peraturan-peraturan adat itu dianggap tidak dapat memenuhi kehendak-kehendak perkembangan pembangunan. Terdapatnya pendapat-pendapat yang telah dilahirkan oleh seorang sejarawan ekonomi dan tokoh-tokoh pentadbir ini telah menarik minat penulis untuk membuat kajian ke atas sejarah perkembangan pentadbiran tanah masyarakat adat.

Masyarakat Melayu Negeri Sembilan adalah agak unik jika dibandingkan dengan masyarakat Melayu ditempat lain. Mereka mengamalkan suatu sistem sosial berasaskan sistem Adat Perpatih,³ dimana kelompok-kelompok sosial hidup cara kolektif bergotong-royong. Bagi masyarakat yang mengamalkan sistem ini kedapatan suatu istilah iaitu 'tanah pesaka adat' atau lebih dikenali sebagai tanah adat yang bermaksud tanah harta kepada suku-suku tertentu yang diwariskan kepada anggotanya dari generasi ke generasi. Istilah ini juga merupakan sesuatu diantara perkara-perkara yang asasi dalam sistem Adat Perpatih itu.

Beberapa orang penulis telah memberikan huraian lanjut tentang aspek ini, akan tetapi tidak ramai di antara mereka itu yang telah mengkaji dengan mendalam tentang berbagai aspek sistem pentadbirannya. Penulis-penulis yang terdiri dari pegawai-pegawai tadbir British dahulu seperti Parr, Mackray, Martin Lister, Taylor, Maxwell, Winstedt dan beberapa orang lagi telah menyentuh tentang aspek tanah dalam kajian mereka yang berhubung dengan Adat Perpatih.⁴ Dalam penulisan mereka itu perbincangan mengenai tanah adalah tentang sistem perwarisan

saja. Kebanyakan hasil kajian mereka ini adalah bagi memenuhi keperluan bakal-bakal pegawai British yang ditugaskan berkhidmat di Negeri Sembilan ketika itu. Pada awal tahun tujuh puluhan pula seorang penulis barat, M.B Hooker, telah mengkaji tentang hukum-hukum adat Melayu dengan memberi perhatian khas terhadap hukum-hukum Adat Perpatih.⁵ Beliau telah banyak membincangkan tentang sistem perwarisan harta (tanah) yang diamalkan dalam daerah Kuala Pilah. Beliau berpendapat sistem yang diamalkan dalam daerah tersebut agak kompleks kerana dalam sistem perwarisan yang diamalkan itu penghakiman adalah merujuk kepada hukum Adat Perpatih, undang-undang Islam dan perundangan moden. Oleh kerana Hooker seorang ahli undang-undang kajiannya dalam beberapa aspek pentadbiran tanah itu ditumpukan kepada perundangan saja. Ia juga melengkapkan dengan beberapa kes bagi membuktikan masalah-masalah yang timbul dalam penghakiman mengikut perundangan moden, hukum-hukum Islam dan hukum adat. Seorang lagi penulis, Josselin de Jong, telah juga menyentuh tentang aspek pentadbiran tanah pesaka dalam kajiannya tentang Adat Perpatih di Negeri Sembilan, dibuat dalam bentuk perbandingan dengan yang terdapat di wilayah adat Minangkabau.⁶ Penulisannya adalah tertumpu kepada wilayah adat berasaskan, disiplin antropologi maka itu perbandingannya tentang beberapa aspek tanah pesaka adalah dengan cara kebetulan saja.

Penulis-penulis tempatan seperti Nordin Selat,⁷ Mohd Isa Mahmud,⁸ dan lain-lain telah juga membincangkan tentang tanah pesaka dan beberapa aspek pentadbirannya mengikut hukum-hukum adat. Mereka ini pula melihat dari sudut keunggulan sistem itu saja. Sepanjang yang diketahui tiada sejarawan yang telah membuat kajilidikan yang merangkumi semua aspek yang berhubung dengan pentadbiran tanah pesaka masyarakat adat seperti yang dijalankan dalam kajian ini. Aspek-aspek berkenaan saling berkait dan adalah tidak mungkin lengkap jika sesuatu aspek itu ditinggalkan.

Pada umumnya sistem pentadbiran tanah di negara ini adalah sama akan tetapi bagi tanah-tanah pesaka seperti yang terdapat di Negeri Sembilan adalah agak unik, kerana pentadbirannya adalah tertakluk kepada Kanun Tanah, Hukum-hukum Islam dan Hukum-hukum Adat itu sendiri. Bila kita halusi, keunikan sistem pentadbiran yang terdapat ini adalah merupakan hakikat bahawa disamping perubahan-perubahan yang berlaku hasil dari penjajahan British terdapat juga elemen-elemen kesinambungan.

Pernah diperkatakan bahawa 'Adat itu bersendikan syara', 'syara' bersendikan hukum dan hukum bersendikan kitab Allah'. Apa yang didapati dari segi agama Islam pentadbiran dari aspek perwarisan tanah itu adalah bertentangan, tetapi dikekalkan. Begitu juga bila sistem pentadbiran moden diperkenalkan beberapa aspek tentang sistem pentadbiran tradisional itu juga dikekalkan dan disesuaikan.⁹

Kajian ini merupakan suatu percubaan, meneliti enakmen-enakmen pentadbiran tanah pesaka itu dengan melihat kembali pada sejarahnya iaitu pentadbiran zaman tradisional dan mengikuti evolusi perkembangannya dengan pelaksanaan sistem Torrens. Tumpuan kajian yang utama adalah setelah pelaksanaan sistem pentadbiran moden yang diperkenalkan oleh British, meninjau mengapa British mengekalkan beberapa aspek sistem lama itu, hingga kini menjadi sebahagian sistem perundangan negara. Apakah motif penggubalan Customary Tenure Enactment itu? Bagaimana pula kedudukan tanah pesaka dalam Perlembagaan Negeri Sembilan dan Perlembagaan Negara? Perhatian adalah diberi pada kesannya dari segi ekonomi zaman kini dan kesannya dari segi sosial dengan merujuk kepada kes-kes tertentu.¹⁰ Dengan pendedahan kes-kes ini dijangkakan akan dapat menghidupkan perbincangan-perbincangan yang berkaitan dan akan dijadikan sebagai contoh kepada sesuatu pendapat yang dikemukakan. Dikatakan bahawa Customary Tenure Enactment 1909 itu bertujuan untuk melindungi tanah adat, di dalam kajian yang dijalankan didapati ada juga tanah adat yang secara tidak langsung terlepas kepada orang Cina. Seringkali juga diperbincangkan bahawa sistem pentadbiran tanah pesaka adat itu, khasnya tentang hukum perwarisan adalah bertentangan dengan undang-undang Islam. Perbincangan tentang masalah ini akan juga ditinjau untuk melihat kedudukan sebenar, dengan mengkaji mengapa sistem itu dikekalkan dan apakah sistem pentadbiran tanah pesaka itu perlu disesuaikan mengikut perkembangan zaman dan perkembangan ekonomi? Apabila timbul ura-ura mengadakan pembaharuan seperti yang disarankan oleh Mohamad Said dahulu, golongan yang menentang adalah ketua-ketua adat, iaitu Undang, Penghulu dan Lembaga, sedangkan penentangan dari orang ramai adalah tidak jelas. Harus difikirkan juga penentang-penentang ini mempunyai kepentingan sendiri. Wujudnya kedudukan mereka adalah kerana sistem adat itu. Mereka adalah sebagai ketua adat tetapi fungsi mereka dalam sistem birokrasi hampir tidak ada kecuali dalam

hal tanah pesaka.

Sumber utama yang digunakan dalam kajian ini terdiri dari Negeri Sembilan *Annual Report*, Negeri Sembilan *Government Gazettes*, *Harvey Papers*, bahan-bahan cetak kerajaan seperti Perlembagaan Negeri Sembilan, Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu, *Customary Tenure Enactment* 1909, *Customary Tenure Enactment* 1926, *Customary Tenure Enactment* 1936, *Customary Tenure (Amendment) Ordinance* No. 23 of 1949, *Customary Tenure (State of Negeri Sembilan) Ordinance* No. 33 of 1952, *Customary Tenure (Lengkungan Lands) Enactment* No. 4 1960, *Undang of Rembau (Lands) Enactment* No. 2 of 1949, *Small Estates (Distribution) Ordinance* No. 34 of 1955, *Small Estates (Distribution) (Amendment) Ordinance* No. 26 of 1959, *The Land Code* 1926, *National Land Code* (Act 56 of 1965), Fail-Fail Pejabat Tanah Daerah Kuala Pilah dan dokumen tertulis lain yang berkaitan. Didapati bahawa kajian ke atas tajuk seperti ini adalah tidak mungkin lengkap tanpa merujuk kepada keterangan lisan yang perlu dikutip dari kalangan anggota masyarakat berkenaan.

Suatu yang istimewa dalam kajian ini ialah keterangan sejarah yang terdapat dalam tradisi lisan sesuatu daerah adat itu. Tradisi lisan ini ada yang berbentuk naratif dan ada yang berbentuk puisi. Yang berbentuk naratif ini adalah keterangan tentang sejarah unit-unit politik yang terdapat seperti sejarah institusi undang, penghulu dan lain-lainnya bagi sesuatu daerah adat itu. Termasuk juga naratif tentang jurai keturunan perut-perut tertentu untuk menentukan giliran dan kelayakan seseorang calon ketua adat itu. Manakala tradisi lisan yang berbentuk puisi adalah perbilangan adat yang merupakan keterangan tentang hukum-hukum dan peraturan pentadbiran sistem sosial dan ekonominya. Tradisi-tradisi lisan ini memainkan peranan penting dalam menjaga keharmonian masyarakatnya. Ketua-ketua adat adalah merupakan pemegang tradisi-tradisi lisan berkenaan. Walaupun tidak ada sistem pembelajaran tertentu bagi seseorang pemegang tradisi ini seperti yang terdapat di kalangan masyarakat-masyarakat di Afrika, dan di tempat-tempat lain, namun demikian kedudukan seseorang ketua adat itu seperti buapak, lembaga, penghulu dan lain-lainnya memaksa seseorang itu mempelajari tradisi-tradisi lisan yang berhubung dengan salasilah wilayahnya, jurai keturunan perut, dan segala hukum-hukum adat berhubung dengan suku dan wilayahnya.

Kedudukan seseorang itu sebagai ketua adat akan terjejas

sekiranya ia tidak mengetahui tradisi-tradisi lisan berkenaan. Berbeza dari tradisi-tradisi lisan yang biasa terdapat tradisi lisan masyarakat adat ini boleh digunakan sebagai sumber sejarah. Berbeza dari tradisi lisan yang biasa, tradisi lisan yang terdapat di dalam sesuatu daerah adat itu boleh dianggap mempunyai pemegangnya yang tertentu. Tradisi ini mempunyai fungsi tersendiri dan penuturannya biasa dilakukan dalam upacara tertentu. Perbilangan-perbilangan adat yang berbentuk puisi itu senang dihafali dan tidak mudah mengalami interpolasi. Manakala yang berbentuk naratif dan genealogi itu boleh juga digunakan sebagai sumber sejarah kiranya dapat ditentukan ketulinan, kemunasabahan tradisi berkenaan dan juga kredibiliti penuturnya melalui proses penilaian 'intrinsic and extrinsic criticism'. Pentadbiran yang diamalkan sebelum campurtangan British dahulu boleh dilihat melalui kajian ke atas tradisi-tradisi lisan ini.

Selain dari tradisi lisan, keterangan proto dan keterangan saksimata juga digunakan bagi mendapatkan keterangan lanjut tentang kes yang dikaji. Ini adalah perlu kerana apa yang tercatat dalam buku Rekod Rakaman Perbicaraan Pemungut Hasil Tanah itu adalah keterangan ringkas sahaja. Wawancara telah diadakan dengan orang-orang yang terlibat dalam kes-kes yang dikaji. Begitu juga dengan masalah pentadbiran, keterangan lisan beberapa orang bekas pegawai yang terlibat dan mengetahui sendiri tentang sistem pentadbiran tanah yang diperkenalkan oleh British itu diperolehi untuk melihat apakah kesulitan dalam menjalankan tugas sebagai pegawai tanah. Antara mereka ialah bekas penghulu mukim, Pemungut Hasil Tanah Kuala Pilah, Pembantu Pemungut Hasil Tanah Kuala Pilah dan beberapa orang lagi.

Dalam pada itu kaedah soal selidik telah juga dijalankan untuk melengkapkan kajian dengan data-data yang tertentu untuk penelitian yang lebih dalam bagi keperluan dalam bab-bab yang tertentu. Misalnya jika diperkatakan bahawa sistem perwarisan itu mengakibatkan pemecahan dan gagal dalam matlamatnya menjamin ekonomi kaum wanita. Maka dijalankan kerja lapangan mengedarkan soal selidik di beberapa buah kampung berhampiran untuk mengetahui berapakah luas tanah yang dimiliki oleh kaum wanitanya dan berapa pula jumlah wanita yang bakal mewarisi harta itu. Dengan demikian dapat diperkuatkan sesuatu pendapat yang diberi.

Kajian ini ditumpukan di daerah Kuala Pilah atas beberapa sebab. Pertama, selain dari tanah adat Rembau, daerah Kuala Pilah mempunyai keluasan tanah pesaka yang terbesar mahupun jenis

tanah kampung, tanah sawah atau tanah dusun berbanding dengan daerah Jelevu, Tampin, Port Dickson dan Seremban. Kedua, tujuan awal enakmen tanah adat CTE 1909 itu digubal adalah untuk panduan Pemungut Hasil Tanah yang mentadbirkan tanah masyarakat adat di dalam daerah Kuala Pilah.¹¹ Pegawai-pegawai tadbir British yang membuat draf undang-undang CTE itu adalah mereka yang pernah berkhidmat sebagai Pegawai Daerah Kuala Pilah. Ketiga, masyarakat yang mengamalkan sistem pentadbiran demikian masih memegang kuat kepada peraturan Adat Perpatih itu sendiri. Sedangkan dalam daerah-daerah lain sistem pentadbiran demikian tidak begitu praktikal; misalnya daerah Seremban atau Port Dickson, tanah pesaka yang terdapat dalam kedua-dua daerah tersebut tidak seluas seperti yang terdapat dalam daerah Kuala Pilah. Masyarakat Melayunya pula tidak begitu terikat kepada hukum-hukum Adat Perpatih. Oleh yang demikian pemilihan daerah Kuala Pilah bagi kajian ini dapat mewakili daerah-daerah lain dalam pemilikan dan pentadbiran tanah adat di Negeri Sembilan.

Tarikh yang ditentukan ialah antara zaman pemerintahan tradisional, pengenalan sistem pentadbiran moden pada zaman British, dan kuatkuasa pentadbiran berkenaan hingga kini. Pemilihan jangkawaktu yang demikian difikirkan dapat mengkaji perubahan, penyesuaian dan pengekaln peraturan adat dalam pentadbiran moden seperti yang telah berlaku. Semasa pemerintahan Inggeris itulah undang-undang pentadbiran tanah masyarakat adat dihasilkan. Namun demikian sehingga pemergian Inggeris mereka hanya berjaya menghasilkan undang-undang pentadbiran tanah masyarakat adat suku yang dua belas sahaja. Sedangkan di Kuala Pilah terdapat suatu jenis tanah adat lagi yang perlukan undang-undang pentadbiran yang berlainan iaitu tanah masyarakat adat lingkungan.

1. Lim Teck Ghee, *Origins of Colonial Economy: Land and Agriculture in Perak 1874 - 1897* (Penang: Penerbitan USM, 1976), h. 3.
2. Mohd. Said bin Mohamed ialah bekas Menteri Besar Negeri Sembilan 1959-1969. Sikap beliau terhadap adat telah dipersoalkan oleh ketua-ketua adat. Sebagai ketua pentadbir beliau adalah seorang yang tegas dan seorang yang praktikal.
3. Suatu perkara yang menarik mengenai hukun Adat Perpatih itu ialah, di samping ia terkumpul di dalam perbilangan-perbilangan ia juga merupakan asas bagi pembentukan beberapa bahagian undang-undang tanah di Negeri Sembilan.
4. Antara kajian yang berkaitan ialah Parr, C.W.G. & Mackray, W.H., 'Rembau, One of the Nine States, its History, Constitution and Customs', *JSBRAS*, Vol. LVI, 1910; Martin Lister, 'The Negri Sembilan, Their Origin and Constitution', *JSBRAS*, Vol. XXI, 1890; E.N. Taylor, 'The Customary Law of Rembau', *JMBRAS*, Vol. XII, Pt. 1, 1929, dan 'Inheritance in Negri Sembilan', *JMBRAS*, Vol. XXI, Pt. 2, 1948; W. Maxwell, 'The Law and Customs of the Malays with Reference to the Tenure of Land', *JSBRAS*, Vol. XIII, 1884; dan R.O. Winstedt & Josselin de Jong, 'A Digest of Customary Law From Sungei Ujung', *JMBRAS*, Vol. XXVII, Pt. 3, 1954.
5. M.B. Hooker ialah seorang ahli undang-undang, semasa menghasilkan penulisannya Hooker berkhidmat sebagai Pensyarah Fakulti Undang-Undang, University of Singapore. Antara hasil kajian yang berhubung dengan sistem pentadbiran tanah pusaka ialah: *Readings in Malay Adat Laws*, (Singapore; 1970); "The Interaction of Legislation and Customary Law in a Malay State", *American Journal of Comparative Law*, Vol. 16, 1968.
6. Josselin de Jong, *Minangkabau and Negeri Sembilan* (Jakarta: Bhanatra, 1960).
7. Nordin Selat, *Sistem Sosial Adat Perpatih* (Kuala Lumpur: 1967).

8. Mohd. Isa Mahmud, *Adat Bersuku Cara Perpatih* (Seremban: 1936).
9. Dalam tahun 1909 'Customary Tenure Enactment', telah diperkenalkan. Undang-undang ini adalah khas untuk pentadbiran tanah pesaka dimana sistem pentadbiran tanah mengikut Adat Perpatih itu dalam beberapa aspek telah dikekalkan.
10. Terdapat banyak kesan-kesan sosial yang buruk berlaku akibat perlaksanaan sistem pentadbiran sesudah kedatangan British ini. Di dalam tulisan ini cuma beberapa di antara kes yang difikirkan dapat dijadikan sebagai bahan untuk difikirkan bersama didedahkan.
11. CTE 1909 digubal untuk pentadbiran tanah adat dalam daerah Kuala Pilah. Undang-undang ini dikuatkuasakan dalam daerah Tampin adalah kerana sebahagian luak Johol termasuk dalam pentadbiran daerah Tampin dibawah penyusunan daerah pentadbiran yang dilakukan oleh Inggeris.
CTE 1926 - Undang-undang tersebut diluaskan ke daerah Jelebu di samping tujuan asalnya ialah untuk pentadbiran daerah Kuala Pilah. Undang-undang CTE Cap. 215 dikuatkuasakan cara resmi ke daerah Rembau dalam tahun 1949.
Ordinan Penyelesaian Harta Pesaka Kecil 1955 adalah bertujuan untuk mengatasi kelemahan-kelemahan yang terdapat dalam undang-undang CTE.

Bab Empat

Implikasi Dari Statut Pemilikan Dan Pentadbiran

British telah meninggalkan suatu sistem pentadbiran tanah yang lebih tersusun dan lebih sesuai untuk pentadbiran yang berkesan. Kuasa kerajaan ke atas tanah dan hakmilik individu atas tanahnya adalah dilindungi oleh undang-undang yang merupakan 'authority' dalam sesebuah negara. Keseluruhan pentadbiran tanah adalah di bawah kanun tanah negara. Di bawah peruntukan yang terdapat dalam kanun tanah itu pula, diberikan kuasa kepada badan perundangan tertentu untuk mentadbirkan tanah-tanah yang termasuk di bawah kategori tertentu. Untuk pentadbiran tanah masyarakat adat, pihak Inggeris telah mengadakan polisi-polisi yang tertentu, terkandung dalam undang-undang yang dinamakan 'Customary Tenure Enactment Cap. 215', 'Malay Reservation Enactment', 'Cultivation of rice Enactment' dan 'Small Estates (Distribution) Ordinance 1955'. Undang-undang Customary Tenure Enactment ialah undang-undang yang mengandungi peraturan-peraturan adat yang dikekalkan. 'Malay Reservation Enactment' ialah undang-undang untuk melindungi tanah-tanah orang Melayu. 'Cultivation of rice Enactment' ialah undang-undang yang memaksa masyarakat adat menumpukan pada penghasilan padi. 'Small Estates (Distribution) Ordinance 1955' ialah undang-undang yang digubal untuk mengatasi kelemahan yang terdapat dalam Customary Tenure Enactment tentang penyelesaian harta pesaka kecil.

Untuk mengkaji implikasi undang-undang di atas terhadap masyarakat adat Negeri Sembilan, perlu dilihat dari dua bahagian. Pertama, melihat kebaikan dan kelemahan dari segi peraturan-peraturan yang terkandung dalam undang-undang tersebut. Kedua, sikap orang-orang Melayu sendiri terhadap peraturan-peraturan adat yang dikekalkan dan peraturan yang terkandung dalam 'Malay Reservations Enactment' dan 'Cultivation of rice Enactment'. Dalam membincangkan kebaikan dan kelemahan dari implikasi perlaksanaan sistem pentadbiran baru ini, adalah

tidak mungkin kita dapat memisahkan dari mempersoalkan beberapa kelemahan-kelemahan Adat Perpatih itu sendiri.

Dalam menggubal dasar dalam sistem pentadbiran baru, pihak Inggeris telah mengekalkan peraturan-peraturan adat. Pengekalan peraturan adat ini mempunyai kebaikan dan kelemahan. Dengan adanya prinsip adat yang dijadikan undang-undang tertulis, Adat Perpatih dapat kekal dikalangan masyarakat Melayu Negeri Sembilan, khasnya masyarakat dalam wilayah-wilayah adat. Mungkin jika prinsip adat itu tiada dikekalkan sebagai sebahagian dari undang-undang tertulis untuk pentadbiran tanah adat, besar kemungkinannya institusi Lembaga dan Penghulu Luak itu sudah lama terkubur. Ini adalah berdasarkan kepada fungsi ketua adat berkenaan dalam pentadbiran zaman British hingga kini. Fungsi mereka sebagai ketua sesuatu komuniti sudah tidak penting lagi dalam pentadbiran moden. Masyarakat lebih memandang tinggi kepada seorang Penghulu Mukim, kerana Penghulu Mukim mempunyai kuasa pentadbiran dan merupakan orang perantaraan antara kerajaan dengan masyarakat. Semua hal-hal urusan pentadbiran yang berkaitan dengan tanah dan pembangunan luar bandar mempunyai kaitan dengan tanggungjawab Penghulu Mukim sebagai wakil Pegawai Daerah. Manakala seorang Penghulu Luak fungsinya hampir tiada lagi melainkan dalam urusan tanah pesaka seperti yang terdapat dalam Customary Tenure Enactment itu. Begitu juga peranan seorang Lembaga, fungsinya adalah dalam pentadbiran tanah pesaka saja. Manakala fungsi lain semakin hilang, bahkan fungsi sosialnya dalam istiadat nikah kahwin dan perkediman semakin berkurangan. Dengan demikian terdapatnya peraturan-peraturan adat dalam undang-undang tertulis untuk pentadbiran tanah pesaka itu, institusi-institusi pegawai berkenaan dapat kekal. Pengekalan ini juga menyebabkan Adat Perpatih itu masih mendapat tempat.

Disamping itu juga pihak Inggeris berpendapat dengan mengekalkan prinsip-prinsip pentadbiran adat itu mereka telah melaksanakan tugas sebagai pelindung ke atas tanah yang menjadi jaminan ekonomi orang Melayu. Mereka menyedari bahawa orang-orang Melayu kurang mengetahui tentang konsep tanah sebagai suatu komoditi dalam aktiviti ekonomi. Oleh yang demikian dengan mengekalkan prinsip-prinsip adat dijangkakan dapat menyelamatkan tanah masyarakat adat dari berpindah milik kepada pengusaha-pengusaha ladang dan peminjam-peminjam wang. Dalam hal ini, terdapatnya peraturan pemindahan hakmilik yang terhad dalam Customary Tenure Enactment dan 'Malay

Reservations Enactment' mendatangkan kebaikan kepada masyarakat adat, di mana tanah mereka dapat diselamatkan dari berpindah milik kepada orang bukan Melayu. Jikalau tiada undang-undang tersebut, mungkin banyak tanah masyarakat adat yang telah terlepas pada bukan Melayu. Dalam pada itu tidaklah pula dinafikan banyak tanah pesaka yang telah menjadi hakmilik bukan Melayu secara tidak langsung. Tanah berkenaan kepunyaan Melayu tetapi yang menduduki dan yang mendapat faedah ekonominya adalah orang bukan Melayu. Di atas tanah itu telah didirikan bangunan-bangunan yang diperbuat daripada batu untuk dijadikan tempat kegiatan ekonomi.

Kebanyakan kes-kes seperti ini bermula sejak awal kurun yang kedua puluh lagi, dan ada pula keluarga bukan Melayu yang menduduki tanah tersebut terdiri dari generasi ketiga. Ini menunjukkan berapa lamanya tanah pesaka itu telah dinikmati oleh bukan Melayu. Anehnya pula kebanyakan sewa yang dibayar itu adalah terlalu rendah iaitu mengikut kadar sewa yang terkandung dalam surat perjanjian yang telah sama-sama dipersetujui sebelum Perang Dunia yang Kedua dahulu. Kebanyakan surat-surat perjanjian itu merupakan pengakuan berhutang yang dibuat oleh seorang peguam. Dalam pada itu banyak juga yang menyewa tanah tersebut tanpa menentukan jangkamasanya. Keadaan seperti ini menyebabkan penyewa-penyewa tersebut begitu sukar untuk diusir keluar. Ramai juga diantara penyewa itu yang telah beberapa kali cuba diusir tetapi mereka berpegang pada perjanjian yang tidak menentukan jangkamasa bila perjanjian itu akan tamat. Dalam keadaan tertentu pula penyewa tersebut meminta tuan tanah membayar ganti rugi yang tinggi bagi harta rumah atau kedai yang telah dibina itu. Tidak kurang pula yang memberikan syarat kepada tuan tanah supaya mencarikan tempat sebagai ganti. Ramai juga yang sengaja berdegil dan tuan tanah tidak dapat membuat apa-apa tindakan. Lebih-lebih lagi tindakan undang-undang kerana ini memerlukan perbelanjaan.

Terdapat gejala yang seperti ini bukanlah kerana kelemahan undang-undang Customary Tenure Enactment atau 'Malay Reservations Enactment' itu, tetapi adalah kerana sikap orang Melayu sendiri yang mudah tertarik kepada wang tanpa menghitung baik buruknya terlebih dahulu. Dalam pada itu pula mereka tidak pula tahu menilai kedudukan sesuatu tanah itu dari segi ekonomi. Mereka begitu mudah untuk menerima sewa bulanan atau tahunan yang sedikit memandangkan mendapat hasil dari tanah

tanpa mengeluarkan titik peluh. Sebab lain mengapa tanah adat diduduki oleh orang bukan Melayu adalah kerana penglibatan dalam hutang. Sepertimana yang kita ketahui, bahawa tanah adat itu tidak boleh digadai atau dicagarkan kepada bukan Melayu. Oleh itu tanah pesaka tidak diterima oleh peminjam wang seperti ceti atau mana-mana institusi kewangan yang terdapat zaman dahulu sebagai cagaran untuk mendapatkan pinjaman. Dengan demikian tuan tanah tidak mempunyai jalan lain untuk mendapatkan pinjaman, melainkan daripada orang Cina. Bagi orang Cina pula mereka memberikan pinjaman itu sebagai pinjaman biasa dimana perjanjian pengakuan berhutang dibuat dihadapan peguam. Sebagai persetujuan antara kedua pihak pula, tuan tanah membenarkan orang Cina itu menduduki sebahagian tanah kepunyaannya dengan bayaran sewa bulanan atau tahunan. Mungkin dilain masa pula tuan tanah mengalami kesesakan wang dan membuat pinjaman lagi. Dengan ini hutang bertambah dan sukar untuk dibayar kembali. Sebaliknya orang Cina itu akan membina bangunan tetap untuk tempat kediaman dan tempat bagi aktiviti ekonominya.

Gejala yang demikian berlaku dikalangan masyarakat adat, dimana sebelum Perang Dunia Kedua dahulu orang Cina terdapat di merata-rata perkampungan Melayu dalam daerah adat. Gejala ini terbantut akibat kemasukan Jepun dan akibat perlaksanaan Rancangan Briggs, di mana orang-orang Cina yang tinggal diluar bandar telah dipindahkan kekampung-kampung baru yang diletakkan dibawah pengawasan pasukan keselamatan. Setelah darurat diistiharkan tamat iaitu diakhir tahun 1959, ramai juga bilangan orang Cina yang mula kembali menduduki tanah-tanah pesaka. Segala gambaran di atas dan setakat mana peranan undang-undang Customary Tenure Enactment dan 'Malay Reservation Enactment' menyelamatkan tanah pesaka masyarakat adat dapat dilihat dari kes contoh di bawah.

Tanah yang terlibat ialah tanah adat E.M.R 6616 seluas 3R. 36P. bertempat di Kuala Parit, dalam Mukim Terachi. Tanah ini ialah tanah pesaka suku Tiga Nenek dan tuan tanah ini bernama Puasa bte Busu. Tanah ini mempunyai kedudukan ekonomi yang baik iaitu di persimpangan jalan serta disekelilingnya ialah kampung-kampung yang mempunyai hampir 5,000 orang penduduk. Pada akhir tahun dua puluhan dahulu seorang Cina telah menyewa sebahagian tanah tersebut dengan bayaran sewa \$16/- setahun untuk mendirikan sebuah kedai membeli getah dan menjual barangan runcit. Tuan tanah membeli barang-barang keperluan

harian dari kedai Cina tersebut. Setelah perniagaan bertambah maju, peniaga berkenaan telah membina sebuah bangunan tetap yang diperbuat dari batu-bata, lengkap dengan tempat kediaman, tempat perniagaan dan sebuah rumah asap getah keping.

Pada 2 Februari 1949 tuan tanah bersama dengan bapa saudaranya membuat permohonan kepada Pemungut Hasil Tanah Kuala Pilah untuk menjual tanah tersebut kepada Limah Binti Pintas dari suku Sri Melenggang dengan alasan untuk menjelaskan hutang sebanyak \$1,000/-. Malangnya penjualan tidak dapat diteruskan walaupun dipersetujui oleh Lembaga suku tuan tanah itu iaitu Dato' Menteri Abdul Rahman bin Oyot. Peruntukan dalam Customary Tenure Enactment Cap. 215 mengatakan, dalam sebarang pemindahan hakmilik keutamaan hendaklah diberi kepada waris terdekat.¹ Bantahan dibuat oleh seorang waris bagi menyekat penjualan itu. Pemungut Hasil Tanah telah membuat keputusan memberi waris berkenaan peluang untuk membeli tanah tersebut dengan harga \$1,000/- dalam tempoh satu bulan dari tarikh keputusan itu dibuat. Si waris tidak mampu mengadakan sejumlah wang yang diperlukan sebaliknya telah mendapatkan wang dari orang lain, juga anggota suku lain, dengan berjanji untuk memberikan tanah tersebut kepada orang berkenaan. Apabila tuan tanah mengetahui bahawa waris bermaksud tidak jujur iaitu untuk memberikan tanah tersebut kepada orang dari suku lain, tuan tanah enggan menjualkan tanah tersebut kepadanya. Kes ini telah didengar beberapa kali lagi pada tahun-tahun kemudiannya sehinggakan bakal pembeli sanggup untuk dikedimkan kepada suku Tiga Nenek bagi membolehkan pembelian itu. Namun demikian penahanan pihak waris menyebabkan kes ini tergantung selama sepuluh tahun.

Pada bulan November, 1957 tuan tanah telah mati secara mengejut meninggalkan beberapa orang anak, termasuk empat orang yang masih kecil. Selang beberapa bulan kemudian bapa saudara kedim simati juga telah meninggal dunia. Pada tahun 1960, Limah, iaitu orang yang telah memberikan pinjaman wang sebanyak \$1,000/- kepada tuan tanah, telah membuat tuntutan hutang ke atas harta simati.² Bagi menyelesaikan hutang simati ini, Pemungut Hasil Tanah telah membuat keputusan memerintahkan waris yang membantah penjualan tersebut menyediakan wang sebanyak \$1,000/- sebagai ganti hutang, dan

\$300/- lagi sebagai faedahnya. Pada kali ini siwaris telah menemui taukeh Cina yang menyewa tanah tersebut. Taukeh Cina itu bersetuju untuk memberikan wang yang diperlukan dengan syarat hakmilik tanah itu diberikan kepada seorang yang boleh dipercayainya. Apabila Pemungut Hasil Tanah mengetahui keadaan sebenarnya, beliau telah menilai kembali harga tanah itu dan telah menetapkan nilai sebanyak \$3,500/. Penyelesaian telah dibuat dimana \$1,300/- telah diserahkan kepada Limah dan bakinya disimpan untuk anak-anak tuan tanah.³

Semakan kemudian pada 20 November 1962 seorang yang bukan anggota suku telah menjadi tuan tanah pada tanah pesaka berkenaan.⁴ Pada praktiknya pula, keluarga bukan Melayu itu adalah merupakan penduduk tetap pada tanah tersebut. Seluruh kawasan tanah itu telah dipagar, bangunan tambahan telah didirikan, disitulah keluarga bukan Melayu berkenaan kekal menetap. Disitulah juga ia melakukan segala kegiatan ekonominya, berniaga, bercucuk tanam, berternak dan memproses getah.

Ini adalah merupakan sebagai suatu contoh bagaimana tanah adat telah menjadi tempat menetap keluarga bukan Melayu. Dari kes di atas kemungkinan ketiadaan undang-undang 'Customary Tenure Enactment' dan 'Malay Reservations Enactment', tanah tersebut sudah tentu menjadi hakmilik kepada bukan Melayu tersebut. Pada kenyataannya pula walaupun yang menduduki tanah itu ialah bukan Melayu, tetapi 'Customary Tenure Enactment' dan 'Malay Reservations Enactment' telah memainkan peranan sebagai penghalang kepada anggota bukan Melayu itu dari menjadi tuan tanah yang sah dari segi undang-undang. Contoh ini juga adalah sebagai bukti bahawa kemungkinan ketiadaan undang-undang 'Customary Tenure Enactment' dan 'Malay Reservations Enactment', tanah-tanah kepunyaan masyarakat adat mungkin banyak yang telah menjadi hakmilik bukan Melayu.

Tujuan 'Customary Tenure Enactment' dan 'Malay Reservation Enactment' untuk melindungi tanah orang Melayu pada dasarnya memanglah tercapai. Sejak undang-undang tersebut dikuatkuasakan tidak ada tanah yang telah dicatatkan 'Customary Land' atau 'Malay Reservations' pada gerannya yang telah berpindah milik kepada bukan Melayu, walaupun pada kenyataan

terdapat orang-orang bukan Melayu menjadi pemilik secara tidak langsung.

Kesan negatif dari peraturan adat yang dikekalkan

Undang-undang 'Customary Tenure Enactment', 'Malay Reservations Enactment' dan 'Small Estates (Distribution) Ordinance 1955' kesemuanya membenarkan perkongsian milik dilakukan tanpa had. Peraturan yang demikian merupakan suatu kelemahan, kerana peraturan itu mendatangkan implikasi sosial dan ekonomi yang buruk ke atas masyarakat adat.

Pertambahan bilangan anggota perempuan begitu ramai sedangkan tanah pesaka boleh dikatakan tidak bertambah. Ini menyebabkan pemecahan secara tidak langsung dilakukan tanpa had, sehingga jumlah tanah pesaka yang dimiliki oleh seorang wanita dalam masyarakat adat itu amat kecil. Untuk melihat betapa kecilnya bahagian tanah pesaka yang dimiliki oleh wanita-wanita dalam masyarakat adat, suatu kajilidikan telah dijalankan di beberapa buah kampung iaitu Kampung Dingkir, Kampung Kabong, Kampung Tanah Baharu, Kampung Seginyeh dan Kampung Gating. (sila lihat jadual berikut).

PEMILIKAN TANAH KAMPUNG

Jumlah Ekar Tanah

1/4 1/2 2/3 3/4 1 1 1/2 2 2 1/2 3 3 1/2 4 6

Bil. Pemilik Wanita

29 40 21 17 15 12 15 6 6 5 5 2

Bilangan wanita yang dikaji = 180 orang

Bilangan wanita yang memiliki tanah kampung = 173 orang

Bilangan wanita yang bakal mewarisi tanah kampung (anak perempuan) = 219 orang

PEMILIKAN TANAH SAWAH

Jumlah Ekar Tanah

1/4	1/2	3/4	1	1 1/4	1 1/2	2	2 1/4	3	4	5 1/2	6
-----	-----	-----	---	-------	-------	---	-------	---	---	-------	---

Bilangan Pemilik Wanita

5	16	19	50	2	15	20	6	2	6	5	3
---	----	----	----	---	----	----	---	---	---	---	---

Bilangan wanita yang dikaji = 180 orang

Bilangan wanita yang memiliki tanah sawah. = 149 orang

Bilangan anak perempuan yang bakal mewarisi tanah sawah = 197 orang

Kedua-dua jadual ini dianggap mewakili masyarakat adat keseluruhannya dalam sesebuah daerah adat. Keluasan tanah yang dimiliki sungguh kecil dan keadaannya tentulah lebih hebat lagi dalam masa-masa yang akan datang. Ada juga sebilangan kecil wanita yang memiliki tanah kampung dan sawah yang agak luas iaitu lebih dari empat ekar, tetapi bilangan mereka ini kecil.

Hasil dari kajian yang dibuat ke atas buku-buku Daftar Tanah Pesaka, terdapat tanah-tanah yang sukar ditentukan seluas mana hak seseorang itu. Suatu contoh ialah tanah sawah E.M.R. 1020 dalam Mukim Sri Menanti, dengan keluasan hanya satu ekar.⁵ Dari keterangan yang terdapat, pemilik tanah ini terdiri dari empat orang wanita adat iaitu Awi bte Sitam (1/2) bahagian, Bariah bte Kadir (1/6) bahagian, Noriah bte Ali (1/6) bahagian dan Saleha bte Ali (1/6) bahagian. Melihat pada keluasan tanah tersebut, bagaimanakah keadaan jika tiap-tiap pemilik mempunyai dua atau tiga orang anak perempuan yang akan mewarisi tanah itu seterusnya?. Sudah tentu sukar untuk ditentukan seluas mana bahagian seseorang itu. Kalau tanah sawah yang seluas seekar ini dimiliki oleh beberapa orang petani, tentu sekali banyak masalah yang timbul. Pemecahan tanah yang demikian jika dinilai dari segi ekonomi adalah merugikan, dimana pembazarian tenaga buruh akan berlaku.

Dalam keadaan tertentu pula pemecahan tanah boleh membawa kerugian ekonomi yang berterusan. Sebenarnya banyak tanah-tanah yang terbiar diusahakan oleh pemilik-pemiliknya akibat dari kebenaran pemilikan secara beramai-ramai. Suatu contoh yang perlu mendapat perhatian dalam hal ini ialah tanah E.M.R. 3328 dalam Mukim Johol. Keluasannya ialah 2 ekar 15 pole. Tanah ini dipunyai oleh Wok bte Desa. Wok mempunyai tiga anak perempuan dan dua darinya telah meninggal dunia terlebih dahulu. Anak perempuan yang tua meninggalkan dua orang anak perempuan, manakala anak perempuan kedua meninggalkan empat orang anak perempuan. Atas kematian Wok, Pemungut Hasil Tanah telah mewariskan kepada waris-warisnya, iaitu Lijah bte Tanggam ($1/3$) bahagian, Kamariah bte Senin ($1/6$) bahagian, Libah bte Senin ($1/6$) bahagian, Limah bte Pintas ($1/12$) bahagian, Saadiah bte Pintas ($1/12$) bahagian, Noyah bte Pintas ($1/12$) bahagian, Saadiah bte Pintas ($1/12$) bahagian dan Milah ($1/12$) bahagian.

Oleh sebab Lijah anak perempuan simati yang ketiga masih tidak berpuashati ke atas bahagian yang diterimanya, ia telah mengemukakan suatu rayuan kepada badan 'Appeal Committee' dibawah peruntukan seksyen 15 (1) Customary Tenure Enactment Cap. 215.⁷ Lijah menuntut keatas semua bahagian-bahagian harta ibunya yang telah diwariskan kepada Limah, Saadiah, Noyah dan Milah atas dasar bahawa ia telah menguruskan pengkebumian simati. Mengikut keterangan responden (Limah, Saadiah, Noyah dan Milah) mereka juga turut bersama-sama menjaga nenek mereka semasa nenek mereka sakit dan menguruskan pengkebumian nenek mereka. Mereka juga menafikan dakwaan Lijah yang mengaku telah membelanjakan segala perbelanjaan pengkebumian itu. Simati banyak meninggalkan harta seperti barang-barang emas dan beberapa ekor kerbau dan harta-harta ini kesemuanya telah diambil oleh Lijah sebagai perbelanjaan pengkebumian.

Atas pengakuan Penghulu Luak Inas berserta dengan Lembaga Suku Sri Melenggang yang mendakwa Lijah sebenarnya menguruskan segala perbelanjaan pengkebumian, anggota-anggota 'Appeal Committee' yang terdiri dari Tunku Besar Burhanudin sebagai ahli yang dicalunkan oleh Yang DiPertuan, H.P. Bryson iaitu Penasihat British Negeri Sembilan dan Bacik - Penghulu Luak Inas telah melakukan pembahagian seperti berikut:

- Lijah bte Tanggam (1/2) bahagian.
- Libah bte Senin (1/8) bahagian.
- Kamariah bte Senin (1/8) bahagian.
- Limah bte Pintas (1/16) bahagian.
- Saadiah bte Pintas (1/16) bahagian.
- Noyah bte Pintas (1/16) bahagian.
- Milah bte Pintas (1/16) bahagian.⁸

Pembahagian yang demikian menimbulkan rasa tidak puashati di kalangan mereka yang mendapat bahagian yang semakin berkurangan. Akibat dari pemecahan tanah ini juga telah mendatangkan implikasi sosial yang buruk, dimana perhubungan antara ibu saudara dengan anak-anak buahnya telah menjadi renggang. Tanah ini adalah tanah pesaka adat yang ditanam dengan pokok getah. Sejak pemecahan tanah ini dilakukan, iaitu dalam tahun 1949 dahulu, tanah tersebut telah menjadi tanah terbiar ditumbuhi oleh belukar yang tebal. Lijah yang mempunyai bahagian yang terbanyak ke atas tanah itu pernah membuat permohonan untuk mendapatkan rancangan tanam semula. Tetapi, ia terpaksa mendapatkan kerjasama pemilik-pemilik yang lain terlebih dahulu, sedangkan perhubungan antara mereka sejak pemecahan tanah itu dilakukan adalah buruk. Lijah telah cuba membeli bahagian pemilik-pemilik yang lain tetapi telah gagal. Sehingga tahun 1980 tanah tersebut menjadi terbiar tanpa tanaman yang mendatangkan sebarang hasil. Hampir empat puluh lapan tahun telah berlalu hasil ekonomi yang sepatutnya dapat diperolehi telah dilepaskan dengan begitu saja.

Hasil dari tinjauan yang dibuat ke atas beberapa buah kampung didapati banyak tanah pesaka yang tinggal terbiar akibat dari pemecahan tanah. Oleh kerana bahagian yang diterima oleh seseorang itu terlalu kecil, pemilik berfikir lebih baik berpindah ketempat lain untuk mendapatkan penghidupan baru seperti di Rancangan FELDA atau FELCRA. Pemecahan tanah ini juga menjadi halangan dalam melancarkan sesuatu projek ekonomi. Sesuatu tanah adat yang mempunyai kedudukan yang baik, adalah agak sukar tanah tersebut untuk dimajukan sekiranya pemiliknya ramai.⁹ Misalnya sebidang tanah yang sesuai untuk dimajukan bagi rancangan perumahan tidak mungkin dapat persetujuan semua pihak yang mempunyai hak ke atas tanah itu. Dengan demikian tanah yang mungkin mendatangkan hasil ekonomi yang

baik tidak akan dapat dimajukan.

Dilihat pula dari segi nilai tanah adat dengan bukan tanah adat, terdapat perbezaan yang agak jauh bezanya. Keadaan yang demikian adalah kerana undang-undang pentadbiran tanah adat itu sendiri. Mengikut undang-undang tersebut penukaran hakmilik bagi tanah adat adalah terhad. Dengan demikian nilainya juga adalah rendah, kerana permintaan yang dibenarkan adalah terhad. Kebanyakan tanah adat pula telah ditentukan tanaman-tanaman yang dibenarkan. Ini bermakna sebarang penukaran penggunaan tanah itu terlebih dahulu hendaklah mendapat kelulusan dari pihak kerajaan. Ini adalah merumitkan dan memakan masa yang lama.

Dalam usaha untuk mendapatkan modal bagi tujuan sesuatu projek ekonomi, tanah adat boleh digunakan sebagai cagaran pada pinjaman yang dibuat. Tetapi, nilai pinjaman yang akan diluluskan adalah rendah. Pihak yang memberikan pinjaman agak enggan menerima geran tanah adat sebagai cagaran pada pinjaman yang dibuat. Kalau pun diterima nilai yang diberi adalah rendah kerana sekiranya sipeminjam gagal membayar balik pinjamannya, walaupun agensi pemberi pinjaman seperti MARA berhak melelong tanah tersebut, namun demikian MARA tidak berhak melelong harta-harta itu dengan mengenyepikan peraturan-peraturan yang telah sedia terkandung di dalam Customary Tenure Enactment Cap. 215.

Undang-undang membenarkan perkongsian milik secara beramai tetapi undang-undang tidak membenarkan geran-geran baru dikeluarkan. Tiap-tiap kali pemindahan hakmilik dilakukan, nama dan bahagian seseorang itu dicatatkan ke dalam geran yang sama iaitu geran E.M.R. yang asal. Peraturan yang demikian mendatangkan masalah pada tuan-tuan tanah. Tanah yang seluas dua ekar dan dipunyai oleh beberapa orang pemilik sudah tentu akan menimbulkan beberapa masalah. Masalah yang pertama ialah untuk menentukan bahagian seseorang itu. Dalam penentuan pembahagian ini, sudah tentu seseorang itu mahukan kedudukan tanah yang baik. Dalam hal ini perkelahian akan berlaku di mana masing-masing mahukan bahagian tanah yang baik untuk pertanian atau untuk membina tempat kediaman. Masalah akan juga timbul dalam menguruskan pembayaran cukai, dimana tuan-tuan tanah itu terpaksa menjelaskan cukai cara bergilir-gilir atau membayar cara bersama-sama. Dalam hal ini kesulitan mungkin timbul untuk menentukan siapa yang harus menguruskan pembayaran cukai tersebut, kerana dalam keadaan

tertentu perhubungan di antara mereka ini adalah tidak begitu baik.

Dari perbincangan tentang kebaikan dan kelemahan dari segi peraturan-peraturan yang terdapat dalam undang-undang yang telah digubal oleh pihak Inggeris untuk pentadbiran tanah pesaka itu, didapati sesuatu peraturan itu mempunyai implikasi yang baik atau yang buruk. Untuk melihat dengan lebih lanjut lagi kebaikan dan kelemahan sesuatu peraturan itu akan dapat dikaji melalui sikap yang ditonjolkan oleh orang-orang Melayu sama ada anggota adat atau pun bukan anggota adat.

Sikap orang-orang Melayu terhadap peraturan adat yang dikekalkan

Pendidikan sama ada pendidikan formal atau tidak formal, memainkan peranan utama dalam mengubah sikap seseorang itu. Dengan pendidikan seseorang itu akan memandang dengan lebih jauh ke hadapan, menganalisis dengan lebih mendalam tentang sesuatu gejala yang terdapat dalam masyarakatnya. Melalui pendidikan agama seseorang itu akan mula mempersoalkan amalan-amalan masyarakatnya yang bertentangan dengan ajaran yang dipelajari. Dasar pelajaran pemerintahan Inggeris, walaupun bertujuan tidak lebih dari melengkapkan orang Melayu dengan pengetahuan membaca dan menulis, tetapi pendidikan itu telah mula memainkan peranan dalam mengubah sikap beberapa golongan masyarakat Melayu. Dalam masyarakat adat sendiri terdapat juga beberapa golongan yang mula mempersoalkan akan keburukan-keburukan yang terdapat dalam sistem Adat Perpatih itu.

Perubahan sikap masyarakat terhadap tanah adat pula dapat ditinjau melalui desakan-desakan beberapa golongan tertentu yang mendesak supaya mengadakan kajian semula terhadap adat, khususnya peraturan-peraturan adat yang telah dikekalkan di dalam sistem baru itu. Perubahan sikap terhadap pentadbiran tanah masyarakat adat, pertama kali telah ditonjolkan oleh golongan ketua-ketua adat di Rembau. Golongan ini adalah merupakan golongan yang kuat mempertahankan sistem adat itu. Namun demikian mereka inilah yang pertama kali melakukan perubahan ke atas dua aspek dalam penyelesaian harta. Aspek yang pertama ialah berhubung dengan harta carian. Mengikut hukum adat, pembahagian harta carian adalah tertakluk kepada

peraturan-peraturan adat, iaitu dapatan tinggal, harta yang dibawa kembali, carian bahagi. Pihak Inggeris telah cuba mengekalkan peraturan tersebut kedalam sistem baharu. Ketua-ketua adat dari daerah Kuala Pilah, Tampin dan Jelebu menyokong cadangan tersebut. Tetapi, golongan ketua adat dari Rembau menentangnya. Penentangan ketua-ketua adat ini dapat diteliti dari surat yang dihantar kepada Residen, seperti yang disalinkan di bawah.¹⁰

Kepada Tuan Residen,

Bahawa dengan sesungguhnya sahaya Lembaga yang bersain dibawah ini telah bermesyuarat dengan mendapat sabulat suara berkenaan dengan harta yang dinesbahkan kepada charian. Semuanya itu akan dijalankan mengikut bahagian hukum shara' tentang daripada tanah pesaka iaitu tanah O.T. yang turun menurun didalam suku itu tidak dapat dengan dibeli ya'ni dapat sahaja dijalankan mengikut bahagian adat Rembau juga.

Tanda tangan-tanda tangan

18 orang sahaja.

3.2.1930

Tanda tangan Undang Rembau

Dalam tahun 1940 pula, ketua-ketua adat di Rembau telah mencapai kebulatan bagi menghapuskan amalan berkedim atas alasan perbuatan itu bertentangan dengan ajaran Islam.¹¹ Amalan berkedim adalah peninggalan amalan Pagan dahulu. Amalan ini memerlukan istiadat bercecah darah, dimana anak angkat dan waris-waris ibu angkatnya mencecahkan jari masing-masing kedalam suatu bekas yang berisi dengan darah binatang yang disembelih. Amalan ini bertentangan dengan ajaran Islam tambahan pula darah berkenaan dianggap sebagai najis.

Motif penghapusan istiadat ini bukanlah semata-mata kerana pertentangan dengan ajaran Islam, tetapi adalah dorongan dari motif ekonomi. Tujuan sebenar adalah menghalang orang luar dari suku mewarisi atau membeli tanah adat sesuatu suku itu, memandangkan pertambahan bilangan anggota adat berganda sedangkan keluasan tanah masyarakat adat boleh dikatakan terlalu sedikit kadar pertambahannya. Dengan terhapusnya istiadat berkedim ini tuan tanah yang tidak mempunyai anak perempuan terpaksa berfikir dua kali dahulu sebelum mengambil seseorang anak angkat. Anak angkat yang tidak dikedimkan bererti seseorang

itu tidak diakui sebagai anggota suku ibu angkatnya. Ia tidak berhak mewarisi harta pesaka dan tidak pula layak untuk mendapatkan perlindungan adat dalam hal-hal seperti nikah kahwin dan lain-lain.¹²

Perubahan peraturan adat ini hanya berlaku di Rembau. Sedangkan di tempat lain amalan itu masih berkekalan sehingga kehari ini. Dalam penggubalan Ordinan Penyelesaian Harta Pesaka Kecil 1955, pihak Inggeris telah memberikan perhatian khas terhadap pentadbiran harta carian. Di bawah Ordinan ini harta carian boleh sekiranya dipersetujui ditadbir mengikut hukum adat. Di dalam Ordinan ini juga diberikan peruntukan tentang syarat-syarat pemberian harta pesaka kepada anak angkat. Dalam hal ini Rembau adalah berlainan di mana pentadbiran harta carian adalah mengikut hukum syarak dan anak angkat tidak dibenarkan sama sekali mewarisi harta pesaka adat.

Perubahan sikap terhadap pentadbiran tanah adat telah ditonjolkan sekali lagi di daerah Rembau dalam tahun 1951 dahulu. Pada kali ini perubahan sikap itu telah dilahirkan oleh golongan agama dan politik. Golongan ini mendesak supaya mengadakan reformasi ke atas adat itu keseluruhannya. Dalam bulan Februari tahun tersebut Barisan Ugama Umno Rembau telah mengadakan perhimpunan mengecam prinsip-prinsip hakmilik dan perwarisan adat yang dikekalkan dalam undang-undang pentadbiran tanah adat itu. Golongan ini berpendapat bahawa:

- a) Sistem ini adalah haram dari segi agama dan siapa yang mengikutinya adalah berdosa.
- b) Adat dianggap tidak adil kerana anak lelaki tidak berhak mewarisi harta pesaka.
- c) Adat tidak sesuai lagi bagi tahap perkembangan masyarakat dan ekonomi zaman baharu ini.

Hasil dari perhimpunan itu satu resolusi telah dicapai mendesak supaya ditubuhkan satu jawatankuasa bagi mengkaji semula peraturan-peraturan adat yang telah diterapkan ke dalam undang-undang pentadbiran tanah. Cadangan itu telah dikemukakan kepada Majlis Negeri Sembilan.¹³ Golongan UMNO ini juga telah cuba mendapatkan sokongan Undang Rembau iaitu Hj. Ipap bin Abdullah. Majlis Negeri tidak menetapkan

pendiriannya kerana jawatankuasa yang dipinta itu adalah bertentangan dengan Perlembagaan Negeri Sembilan. Undang Rembau pula memberi alasan bahawa ia tidak dapat bertindak dalam perkara-perkara adat tanpa nasihat dan kebenaran dari Lembaga dan ketua-ketua adat yang lain, ketua-ketua adat saja yang berhak untuk menentukan sesuatu yang berhubung dengan adat. Tanpa kebulatan ketua-ketua adat sesuatu tindakan itu adalah tidak sah. Dalam bulan Julai tahun yang sama Pegawai Daerah Rembau, seorang pegawai Inggeris, telah mengumumkan sokongannya ke atas resolusi UMNO itu dan berjanji untuk mengemukakan perkara tersebut kepada Pesuruhjaya Tinggi Persekutuan Tanah Melayu. Reaksi Pegawai Daerah tersebut menyebabkan ia diperintahkan bertukar keluar dari Negeri Sembilan dalam tempoh empat puluh lapan jam. Tindakan ini dilakukan oleh pihak pentadbir British sendiri bagi mengelakkan sebarang kekeliruan berhubung dengan pendirian pihak British dalam hal tersebut.

Dalam bulan September Lembaga dan pegawai-pegawai adat yang lain serta disertai oleh kaum ibu telah berhimpun di padang pekan Rembau. Mereka ini telah berikrar untuk mempertahankan adat. Dua bulan kemudian Hj. Ipap dengan resminya mengumumkan bahawa ia tidak dapat menyokong resolusi UMNO itu, lantaran dari desakan ketua-ketua adat yang lain.

Dalam hal ini, alasan yang dikemukakan oleh UMNO itu adalah merupakan satu alasan yang menasabah. Ditinjau dari segi hukum-hukum Islam kandungan Customary Tenure Enactment adalah bertentangan dengan hukum-hukum Islam. Dalam hukum Islam hak mewarisi adalah melalui beberapa landasan iaitu pertalian keluarga, perkahwinan dan agama. Harta seorang lelaki Islam yang telah meninggal, akan dibahagikan antara waris-waris iaitu anak simati (lelaki dan perempuan), saudara lelaki simati, dan isterinya yang ditinggalkan. Pembahagiannya pula adalah mengikut peraturan yang tertentu iaitu, memberikan hak yang lebih kepada tanggungjawab yang ditinggalkan khasnya kepada anak lelaki. Peraturan terbentuk demikian rupa adalah kerana Islam berdasarkan sistem 'patrilineal' iaitu menghitung keturunan di sebelah pihak lelaki. Ketiadaan waris-waris ini harta akan terpulang kepada Baitulmal iaitu perbendaharaan agama.¹⁴ Sistem ini adalah berbeza dari sistem yang terdapat dalam adat di mana ketiadaan waris harta tersebut akan terpulang kepada waris-waris yang jauh atau anggota dalam suku yang sama. Perwarisan yang demikian bukan sahaja mendapat tentangan dari Barisan

UMNO tersebut tetapi isu ini sering juga dikemukakan oleh tokoh-tokoh agama, mahupun mereka yang terdiri dari masyarakat adat atau pun mereka yang luar dari masyarakat adat. Mereka berpendapat amalan berkedim tidak seharusnya dipraktikkan oleh masyarakat yang beragama Islam. Masyarakat adat adalah beragama Islam, tetapi mereka mengamalkan sesuatu yang bertentangan dengan ajaran agama itu sendiri.

Dengan demikian penentangan ketua-ketua adat terhadap resolusi UMNO itu adalah juga kerana dorongan motif ekonomi. Undang pentingkan kedudukannya, menyokong resolusi UMNO itu akan menghapuskan kuasanya ke atas adat. Ia juga akan menghadapi penentangan ketua-ketua adat yang lain dan mungkin pula akan menjejaskan kedudukannya. Ketua-ketua adat tidak akan dapat pula mempertahankan perlunya dikekalkan jawatan-jawatan ketua adat itu. Terdapatnya peraturan-peraturan adat yang dikekalkan dalam pentadbiran tanah pusaka, adalah merupakan satu-satunya yang menyebabkan institusi ketua adat itu masih wujud. Tanpa peranan enakmen itu mungkin juga jawatan-jawatan ketua adat dihapuskan.¹⁵ Tindakan diambil ke atas Pegawai Daerah tersebut kerana Pegawai Daerah telah melanggar etika perjawatan iaitu seorang Pegawai Daerah Inggeris tidak seharusnya campurtangan dalam hal adat dan agama. Peristiwa ini adalah implikasi dari peraturan-peraturan adat yang dikekalkan oleh pihak Inggeris ke dalam Undang-Undang 'Customary Tenure Enactment' dan Ordinan Penyelesaian Harta Pusaka Kecil.

Kritikan terhadap peraturan-peraturan adat dalam pentadbiran tanah diperingkat kemudiannya pula telah dilahirkan oleh tokoh-tokoh masyarakat yang terdiri dari pegawai tadbir dan tokoh politik. Mereka mendakwa bahawa peraturan-peraturan adat yang terkandung dalam Customary Tenure Enactment dan Ordinan Penyelesaian Harta Pesaka Kecil itu adalah merupakan gejala-gejala kepada pembangunan ekonomi masyarakat adat keseluruhannya. Golongan ini menyalurkan pendapat-pendapat mereka cara individu melalui akhbar, makalah dan dalam seminar-seminar yang pernah diadakan.

Dalam bulan Julai 1968 dahulu Mohd. Said Bin Mohamed, Menteri Besar Negeri Sembilan ketika itu, pernah mengatakan bahawa kerajaan Negeri mungkin terpaksa mempertimbangkan semula sikapnya terhadap adat, kerana pada pendapat beliau, kemunduran pertanian di Negeri Sembilan adalah disebabkan oleh kelemahan yang terdapat dalam sistem Adat Perpatih,

khasnya dalam aspek pentadbiran tanah. Manifestasi dari peraturan-peraturan adat itu menyebabkan kurangnya peranan tenaga lelaki dalam menghasilkan aktiviti pertanian. Mengikut laporan beliau, hampir lapan puluh peratus kegiatan pertanian diusahakan oleh anggota perempuan. Terdapat keperluan bagi kerajaan Negeri Sembilan untuk meninggikan hasil padi, tetapi kebanyakan tanah-tanah sawah yang terdapat adalah tanah adat. Tambahnya lagi, kuatkuasa 'Customary Tenure Enactment' dan Ordinan Penyelesaian Harta Pesaka Kecil telah membawa akibat yang buruk di mana pembahagian tanah telah berlaku sehingga sukar untuk diteruskan lagi. Amalan yang terdapat ini adalah bertentangan dengan kehendak-kehendak perkembangan ekonomi dalam zaman pembangunan.¹⁶ Aliran pendapat yang demikian bukanlah dilahirkan oleh Said sahaja, bahkan pernah juga dilahirkan oleh tokoh-tokoh dari pegawai tadbir. Pendapat yang mereka lahirkan itu adalah berdasarkan pengalaman yang telah mereka alami, dengan membandingkan masalah yang mereka alami semasa bertugas sebagai pegawai tadbir dalam daerah adat dengan pengalaman yang didapati semasa bertugas di luar daerah adat.

Hasil dari tinjauan yang dibuat, pendapat yang mengatakan hampir lapan puluh peratus kegiatan pertanian diusahakan oleh wanita itu adalah suatu kenyataan yang berasas. Terdapat tiga gejala yang menyebabkan orang lelaki kurang terlibat dalam pertanian bersawah. Pertama 'Customary Tenure Enactment' menetapkan tanah adat hanya boleh dimiliki oleh wanita. Ini melahirkan sesuatu yang bertentangan dengan agama di mana timbul anggapan suami tidak boleh memakan hasil harta isteri. Lanjutan dari anggapan ini lahirlah pula pembahagian pekerjaan di mana suami membuat pekerjaan mencari wang sebagai penoreh getah, pencari barang hutan, berternak atau sebagainya lagi. Akibat dari pembahagian pekerjaan yang demikian rupa timbul pula suatu implikasi yang buruk ke atas pembangunan yang dirancang oleh pihak kerajaan. Anggota-anggota lelaki dalam daerah adat kebanyakannya menumpukan kepada pekerjaan menoreh getah. Pekerjaan menoreh getah dilakukan pada sebelah pagi sahaja dan ini pula bergantung pada cuaca. Pada sebelah petang, dan pada hari cuaca kurang baik, jarang suami yang menumpukan masa mereka mengusahakan penghasilan padi bersama-sama isteri mereka di sawah. Keadaan yang demikian menimbulkan masalah kepada kerajaan melaksanakan skim penanaman padi dua musim dahulu.

Suatu lagi gejala, orang lelaki kurang terlibat dalam pekerjaan bersawah adalah disebabkan oleh sistem adat itu sendiri yang menetapkan penempatan suami isteri sesudah berkahwin ialah di tempat ibu isteri. Corak tempat kediaman seperti ini menimbulkan kesan-kesan yang negatif terhadap sikap suami dalam bidang ekonomi. Suami kurang bersungguh-sungguh dalam usaha-usaha ekonomi yang mereka jalankan ke atas tanah kepunyaan ibu isteri. Oleh yang demikian keinginan suami untuk betul-betul berusaha mengerjakannya tidak ada, kerana tanah-tanah pertanian itu bukan haknya. Dalam perkara seperti ini soal pemilikan adalah penting kerana sipemilik akan merasa bertanggungjawab terhadap tanah kepunyaannya. Kalau tidak ada pun rasa tanggungjawab itu sekurang-kurangnya ia terpaksa mengerjakan tanah itu dan mendapatkan hasil darinya kerana ia mesti membayar cukai untuk tanah tersebut pada tiap-tiap tahun.

Disamping itu pula kedudukan suami di bawah peraturan adat diibaratkan sebagai 'abu di atas tunggul'. Ia menetap dikalangan keluarga isterinya selagi ia disukai oleh isteri dan ahli keluarga isteri, dan jika berlaku perselisihan faham antara suami dan isteri atau antara suami dengan ahli-ahli keluarga isterinya ia mesti meninggalkan tempat itu. Keadaan seperti ini tidak mendorong, malahan kadang-kadang pula menghalang mereka dari betul-betul berusaha untuk hidup, apa lagi untuk sama-sama bertungkus lumus dengan isteri di sawah. Dengan demikian peraturan-peraturan adat yang terdapat dalam undang-undang pentadbiran tanah masyarakat adat itu membawa kepada kesan negatif dari segi penilaian tenaga buruh.

Di kalangan pegawai tadbir pula disamping mereka lahirkan masalah-masalah yang mereka hadapi dalam melaksanakan projek pembangunan itu mereka menghadapi berbagai masalah dalam melaksanakan tugas mereka sebagai pegawai tanah, terutama dalam aspek mengadakan sesuatu penyelesaian tanah masyarakat adat. Mereka yang terdiri dari pegawai-pegawai Melayu lebih menghormati peranan ketua adat tersebut seperti yang terkandung di bawah peruntukan dalam undang-undang 'Customary Tenure Enactment' itu. Dalam kes-kes tertentu terdapat peranan ketua adat yang tidak menunjukkan sikap kejujuran yang sebenarnya. Ketua adat seperti ini telah memihak kepada sesuatu pihak menyebabkan keadilan yang diberikan oleh pegawai tadbir itu tidak dianggap adil oleh pihak yang sebenarnya berhak. Akibat dari keterangan Lembaga, orang tersebut tidak mendapat hak yang sepatutnya seperti dalam kes EMR 3328 yang telah

dibincangkan. Kemungkinan juga kes ini boleh di bawa kepada badan Jemaah Rayuan sekali lagi, ini pula akan merumitkan pentadbiran di mana sesuatu yang boleh diselesaikan dalam masa yang singkat memerlukan pula masa yang lebih panjang lagi.

Ada pula pendapat yang mengatakan bahawa penggubalan undang-undang tanah seperti undang-undang 'Customary Tenure Enactment', 'Malay Reservations Enactment' dan 'Cultivation of Rice Enactment' adalah perkara-perkara yang menyebabkan orang Melayu tinggal dalam keadaan yang asal di kampung-kampung mengamalkan ekonomi secukup hidup.¹⁷ Melihat kepada kenyataan ini tidaklah dinafikan bahawa dasar British terhadap tanah-tanah orang Melayu telah turut menyumbang kesan seperti yang dikatakan. Tetapi, adalah sukar untuk mengukur sejauh mana polisi British ke atas tanah orang Melayu itu meninggalkan kesan yang menyebabkan orang Melayu masyarakat adat tinggal dalam keadaan yang asal menumpukan hidup pada tanah yang ada. Pihak Inggeris menggubal undang-undang tanah seperti 'customary Tenure Enactment', 'Malay Reservations Enactment' dan 'Cultivation of Rice Enactment' adalah bertujuan untuk melindungi tanah-tanah orang Melayu. 'Malay Reservation Enactment' adalah dihasilkan dari kesedaran beberapa orang Inggeris yang merasakan mereka benar-benar bertanggungjawab memperlindungi orang Melayu dari menghadapi penindasan kaum mendatang. 'Customary Tenure Enactment' adalah mempunyai tujuan yang sama, disamping menghormati perjanjian bahawa Inggeris tidak akan mencampuri hal adat. Mungkin jika British tidak mengekalkan peraturan-peraturan adat dalam dasar-dasar pentadbiran tanah masyarakat adat, akan menimbulkan kemarahan masyarakat adat pula.

Tidaklah juga dinafikan bahawa undang-undang tersebut disertai dengan polisi-polisi Inggeris terhadap tanah telah menyebabkan masyarakat adat kurang berminat untuk membuka tanah-tanah baru. Masa sebelum Perang Dunia yang Kedua dahulu masyarakat adat terjamin dalam keadaan asalnya tanpa menghadapi masalah tanah. Mereka mempunyai tanah yang cukup untuk pertanian dan untuk membina tempat kediaman. 'Cultivation of rice Enactment' pula yang dikuatkuasakan sejak dari tahun 1917 hingga ke akhir pemerintahan Inggeris telah memaksa masyarakat adat untuk mengusahakan tanah-tanah mereka yang ada. Tindakan diambil ke atas tuan tanah dan juga ke atas tanahnya, jika seseorang itu tidak mengikuti peraturan mengusahakan pertanian bersawah. Masyarakat mempunyai tanah

pertanian yang cukup pada masa itu dan mereka terpaksa mengusahakan tanah tersebut untuk penghasilan padi. Pertambahan pemilikan tanah, bererti menambahkan tanggungjawab seseorang individu itu ke atas tanah-tanahnya seperti yang dikehendaki oleh 'Cultivation of rice Enactment'. Maka itu tidak timbul kecenderungan anggota masyarakat untuk meluaskan hakmilik mereka. Inggeris juga mengenakan peraturan-peraturan tertentu bagi pemilikan tanah baharu. Seseorang itu dikehendaki mengikut peraturan-peraturan tertentu untuk memohon tanah baru. Masyarakat pendalaman adalah jahil tentang peraturan yang demikian. Zaman tradisional dahulu pembukaan tanah diketuai oleh Lembaga. Mereka tidak tahu bagaimana cara-cara permohonan yang harus dibuat seperti yang terdapat dalam sistem pentadbiran baru. Mereka juga tidak berani membuka tanah tanpa kebenaran pemerintah kerana itu dianggap suatu kesalahan. Pihak Inggeris juga mengenakan syarat-syarat tertentu sebelum sesuatu hakmilik ke atas tanah yang diusahakan itu diberikan. Antaranya ialah tanah tersebut mestilah telah menunjukkan bahawa tanah itu sudah dimajukan. Peneroka juga dikehendaki membayar berbagai bayaran seperti premium, bayaran ukur dan lain-lain lagi, di mana seorang petani miskin itu tidak mampu membayarnya. Peringkat akhir pemerintahan Inggeris dahulu masalah tanah telah timbul di kalangan masyarakat adat yang rata-rata bergantung kepada tanah sebagai sumber utama ekonomi mereka. Kemungkinan masalah tanah yang dihadapi oleh masyarakat Melayu ini lebih buruk lagi seandainya pihak Inggeris tidak menggubal undang-undang 'Customary Tenure Enactment' dan 'Malay Reservations Enactment' dahulu. Dalam pada itu pula undang-undang tersebut dan juga 'Cultivation of rice Enactment' sedikit sebanyak telah meninggalkan implikasi yang buruk. Undang-undang ini dapat mengatasi masalah tanah orang Melayu dalam jangkamasa pendek, tetapi tidak bagi jangkamasa panjangnya.

1. Seksyen 8, Customary Tenure Enactment Cap. 215.
2. Rakaman Perbicaraan CTE Seksyen 11 No. 47/1960, Pejabat Tanah, Kuala Pilah.
3. Keterangan-keterangan wawancara dengan Abdul Rahman bin Oyot, Lembaga suku Tiga Nenek, bertempat dirumahnya di kampong Gemetir, Tanjong Ipoh, 8.1.1978; dan Limah binti Pintas, Kampung Inas, Johol, 15.12.1977.
4. Presentation No. 17747, dalam Fail Register of Applications CTE Seksyen 7(iv), No. 76/62, Pejabat Tanah, Kuala Pilah.
5. Register of the Mukim of Sri Menanti SMVI, 998 to 1197, Pejabat Tanah, Kuala Pilah.
6. Presentation No. 3485, Transmission Vol. VI, Folio 85, 21 Dec. 1949, Pejabat Tanah, Kuala Pilah.
7. Appeal No. 3/50, CTE Appeal Cases Register, pp. 81-84, Pejabat Tanah, Kuala Pilah.
8. Presentation No. 5018, Transmission Vol. VIII Folio 38, 1st. March, 1951, Pejabat Tanah, Kuala Pilah.
9. Dibawah Seksyen 6 dalam Customary Tenure Enactment Cap. 215, dikatakan bahawa tiada geran akan dikeluarkan bagi tanah adat. Ini bermakna walaupun tanah adat boleh dipecah-pecahkan tetapi pemecahan pembahagian itu terkandung dalam pendaftaran asal dan bahagian seseorang itu pula dicatitkan di dalam salinan geran asal yang telah dikeluarkan pada masa pendaftaran zaman dahulu.
10. Surat dari ketua-ketua adat Rembau dalam simpanan Setiausaha Kerajaan dalam (N.S.S.S) File 2/1930.
11. Lokman bin Yusuf, "Custom as seen in Land Inheritance", *Intisari* (Singapore) Vol. 1, No. 4, h. 17.
12. Dalam tahun 1944 dahulu beberapa orang ketua adat yang berpengaruh telah melanggar larangan berkedim ini, atas

alasan kedim adalah sebahagian dari adat, larangan itu adalah sesuatu yang tidak sah dan bertentangan dengan prinsip-prinsip adat. Ketua-ketua adat tersebut telah membenarkan anggota sukunya mempraktikkan semula mengkedimkan anak angkat. Akibatnya Undang Rembau telah mengambil tindakan iaitu melucutkan jawatan ketua-ketua adat berkenaan, termasuk Datuk Mangku Bumi, seorang ketua adat yang menerima elaun bulanan sebanyak \$200/-. Undang mendapati mereka bersalah melanggar peraturan yang telah dicapai 'kebulatan' yang dibuat dalam tahun 1940 dahulu, di mana institusi kedim telah dihapuskan dalam luak Rembau. Di bawah Pentadbiran Tentera British (BMA) ketua-ketua adat tersebut telah mengemukakan rayuan kepada pihak Inggeris, tetapi pihak berkuasa BMA telah menyokong tindakan Undang Rembau itu.

13. Wawancara dengan Hj. Jaafar bin Hj. Ipap, Sekolah Rendah Tunku Besar, Tampin, 12.11.1977.
14. Akta No. 15, Enakmen Pentadbiran Undang-Undang Islam di Negeri Sembilan 1960.
15. Ini dapat dilihat ke atas jawatan adat seperti Buapak dan Lembaga Tiang Balai. Kedua-dua jawatan ini sudah hampir lenyap, kerana kedua-dua jawatan adat ini tidak mendapat tempat dalam mana-mana enakmen pentadbiran tanah adat.
16. Kuala Lumpur, *Berita Harian*, 21 Julai, 1968.
17. Kassim Ahmad, "Tanah Simpanan Orang Melayu", dalam buku cenderamata Menjelang Kongress ke-13 Parti Rakyat Malaya, Kuala Lumpur, 1969, h. 30.

Bibliografi

Sumber Utama

A short Treaties on the Registration of Title in the F.M.S, with reports of Cases Decided in the Supreme Courts under the Land and Mining Laws from 1907 to 1913, by J.R. Innes, Kuala Lumpur, 1913.

Department of Argiculture, S.S and F.M.S., Bulletins Special Series No. 35, Rice in Malaya, by H.W. Jack, Kuala Lumpur, 1923. No. 33, Wet Padi Planting in Negeri Sembilan, by D.H. Grist, Kuala Lumpur, 1922.

Federated Malay States Law Reports, 1933, 1934, 1939, 1941.

Government of Negeri Sembilan Orders and Regulations, Selangor Government Printing, Kuala Lumpur, 1896.

Memorandum on the Introduction of a Land Code in the Native States of the Malay Peninsula, by W.E. Maxwell, Singapore, 1894.

Negeri Sembilan Annual Report 1896-1909, 1929, 1930, 1950, 1952.

Negeri Sembilan Government Gazette 1887, 1889, 1895, 1897, 1909, 1913, 1917, 1926, 1930, 1932, 1934, 1936, 1949, 1952, 1955.

Negeri Sembilan Secretariate Files 1928, - 1955.

Papers on Land Administration 1887 - 1926.

Selangor Secretariate Files No. 294/91, No. 319/78, No. 116.79.

The Land Code 1926, F.M.S Government Gazette, 1930.

The Laws of the F.M.S, 1877-1920, by A.B. Voules, 3 Vols., London, 1921.

The Laws of the F.M.S and Each of them in Force on the 31st. Day of December 1934, by W.S. Gibson.

Dokumen dan Fael Resmi Pejabat Tanah Kuala Pilah.

1. E.M.R Grants Record.
2. Malay Grants Book No. 1-47.
3. Rekod Rakaman Perbicaraan PHT.

4. Rekod Rakaman Perbicaraan 'Appeal Committee'.
5. Rekod Permohonan Tanah.

Sumber Kedua

- Ahmad bin Mohammed Ibrahim, "Islam and Customary Law in the Malaysian Legal Context", *Family Law and Customary Law in Malaysia*, David C Buxbaum, (ed.) The Hague, 1968.
- Buyong Adil, *Sejarah Alam Melayu V*, Department of Education, 1949.
- Cadlecott, A., "Jelevu, Sri Menanti, Johol", *Papers on Malay Subjects*, terbitan Direction of the Committee for Malay Studies, F.M.S., 1912.
- Clarke, C and M. Hamell, *The Economics of Subsistence Agriculture*, London, 1964.
- Cowgill, J.K., "System of Land Tenure in the F.M.S.", *Malayan Agricultural Journal*, Vol. XVI, 16 (May 1928).
- Donald, K., *The Principles of the Australian Land Titles (Torrens) System*, Adelaide, Australia, 1927.
- Emerson, R., *Malaysia: A Study in Direct and Indirect Rules*, New York, 1973.
- Fyzee Asf, *Outlines of Muhammadan Law*, 3rd Edition, London, 1964.
- Gullick, J.M., "The Negeri Sembilan Economy of The 1890s", *JMBRAS*, Vol. 24, Part 1, 1951.
- Hart, H.L., *The Concept of Law*, Oxford, 1961.
- Hogg, J.E., *Registration of Titles to Lands Throughout The Empire, A Sequel to "The Australian Torrens System"*, London, 1920.
- Hooker, M.B., (ed.), *Reading in Malay Adat Laws*, Singapore, 1970. "The Interaction of Legislation and Customary Law in a Malay State", *American Journal of Comparative Law*, Vol. 16, 1968.
- Jones, S.W., *Public Administration in Malaya*, London, 1952.
- Kassim Ahmad, "Tanah Simpanan Orang Melayu", *Menjelang Kongress Parti Rakyat Malaya*, Kuala Lumpur, 1968.
- Khoo Kay Kim, *The Western Malay State 1950-1873*, Kuala Lumpur, 1967.
- Lim Teck Ghee, *Origins of Colonial Economy: Land and Agriculture in Perak 1874-1897*, Penang, 1976.
- Lewis, D.K., "Inas: A Study of Local History", *JMBRAS* Vol. 33 (1), 1960.
- Lister, M., "The Negeri Sembilan: Their Origin and Constitution", *JMBRAS*, Vol. 19, 1887.

- Maxwell, W.G & Gibson, W.S. *Treaties and Engagements Affecting The Malay States and Borneo*. London: 1924.
- Maxwell, W.E., "Law and Customs of the Malays with reference to the Tenure of Land", *JSBRAS*, No. 13, Singapore, 1884.
- Mohamad Noor, "Local Land Tenure", *Malayan Agricultural Journal*, Vol. x, 1922.
- Mohd. Isa Mahmud, *Adat Bersuku Cara Perpatih*, Seremban, 1936.
- Minnatur, J., "The nature of Malay Customary Law", *Malaya Law Review*, Vol. 6, 1964.
- Nagle, J. Stewarts, *Educational Needs of the Straits Settlements and Federated Malay States*, Baltimore, 1928.
- Nathan, J.E. and Winstedt, R.O., "Johol, Inas, Ulu Muar, Jempul, Gunung Pasir dan Terachi: Their History and Constitution", R.J. Wilkinson, (ed.), *Papers on Malay Subject*. Kuala Lumpur, 1971.
- Newbold, T.J. *British Settlements in the Straits of Malacca*, Vol II, London, 1971.
- Nordin Selat, *Sistem Sosial Adat Perpatih*, Kuala Lumpur, 1976.
- Parr, C.W.C. and Mackray, W.H., "Rembau : Its History, Constitution and Customs", *JSBRAS*, Vol 56, Singapore 1910.
- Roff, W.R., *The Origins of Malay Nationalism*, Kuala Lumpur, 1967.
- Sadka, E., "Residential System in the Protected Malay States", K.G. Tregonning (ed.), *Papers in Malayan History*, Singapore, 1962.
- Said Ramadan, *Islamic Law, its Scope and Equity*, Kuala Lumpur, 1970.
- Shellabear, W.G., (ed.), *Sejarah Melayu*, Singapore, 1967.
- Sonius, H.W.J., *Introduction to Aspects of Customary Land Law in Africa*, Leiden, 1963.
- Swift, M.G., *Malay Peasant Society in Jelebu*, London, 1965.
- Taylor E.N., "Aspects of Customary Inheritance in Negeri Sembilan", *JMBRAS* Vol. 21: (2), 1948.
- Taylor E.N., "The Customary Law of Rembau, *JMBRAS*, No 7, Pt. 1, 1929.
- Tunku Shamsul Bahrin, "The pattern of Indonesian Migration and Settlement in Malaya, *Asian Studies*, v, No. 2, 1967.
- Watson, R.G., *The Land Laws and Land Administration of the Federated Malay States*, Kuala Lumpur, 1908.
- Winstedt, R.O. and De Jong, "A Digest of Customary Law from Sungai Ujong", *JMBRAS* Vol. 27, Pt. 3, 1954.

LAMPIRAN

- Lampiran A - Lampiran ini ialah undang-undang untuk pentadbiran tanah negeri Selangor. Tujuan dimasukkan di sini kerana didapati undang-undang ini telah dijadikan sebagai model untuk penggubalan bagi negeri-negeri Melayu yang lain. Keistimewaannya ialah Sistem Torrens yang dicontohi dan undang-undang 'Customary Land' yang terkandung di dalamnya.
- Lampiran B - Undang-undang ini ialah undang-undang yang awal bagi pentadbiran tanah daerah Sri Menanti (Kuala Pilah).
- Lampiran C - Undang-undang ini khas untuk pentadbiran tanah dalam daerah Sri Menanti sahaja untuk menggantikan Land Regulation 1887.
- Lampiran D - Undang-undang ini ialah undang-undang yang digunakan untuk pentadbiran tanah bagi (penyelesaian) pesaka orang-orang Melayu.
- Lampiran E - Undang-undang yang digubal khas untuk pentadbiran tanah pesaka adat dalam daerah Kuala Pilah. Undang-undang ini kemudiannya dikuatkuasakan ke daerah Tampin.
- Lampiran F - Undang-undang ini dikuatkuasakan ke atas semua tanah milik Melayu dalam Negeri Melayu Bersekutu termasuk juga tanah pesaka adat dan tanah-tanah kerajaan negeri yang disimpan untuk kegunaan pertanian bagi orang-orang Melayu.
- Lampiran G - Undang-undang ini ialah undang-undang tanah adat yang telah dikaji semula. Kuatkuasa undang-undang ini ialah keatas daerah Kuala Pilah, Tampin dan Jelebu.

Lampiran G1 - Pindaan-pindaan keatas undang-undang CTE kuatkuasanya adalah diluaskan ke daerah Rembau secara resmi.

Lampiran G2 -Pindaan keatas CTE Cap. 215.

Lampiran H -Perhatian ialah pada bahagian tiga - Penyelesaian harta pesaka masyarakat adat.

LAMPIRAN A

REGULATION III. OF 1891

A Regulation to amend and consolidate the Law relating to the sale and Occupation of Lands in the State of Selangor.

J.P. RODGER

Acting British Resident

WHEREAS it is expedient to amend and consolidate the Law relating to Land in the State of Selangor:

It is hereby enacted by His Highness the Sultan in Council, with the advice and consent of the British Resident as follows:-

PART I

INTRODUCTORY

1. This Regulation may be cited as "The Land Code, 1891" and is divided into parts as follows:

Part I	-	Introductory.
Part II	-	Town Lands.
Part III	-	Customary Land.
Part IV	-	Country Lands.
Part V	-	Leases and Licenses for other than Agricultural purpose.
Part VI	-	Provision respecting Mining.
Part VII	-	Demarcation and Survey.
Part VIII	-	Collection of Land Revenue.
Part IX	-	Trespasses and Penalties.
Part X	-	Miscellaneous.

2. All existing Land Regulations are hereby repealed, provided that the Resident on behalf of His Highness the Sultan and his successors in regard to any leases or agreements issued

under any Regulation hereby repealed shall have any may exercise every power of resumption in such Regulation mentioned.

3. In the construction of this Regulation, the following terms shall if not inconsistent with context or subject-matter, have the respective meanings hereby assigned to them, that is to say:-

“Court” means the Court of the Chief Magistrate of Selangor.

“Customary Land” means any land which is held under a separate engagement for the payment of any rent or assessment to the State, and in respect of which particulars have been duly registered under Part III hereof.

“District Officer” means the officer for the time being in charge of the Revenue Administration of a District.

“Gazette” means the Selangor Government Gazette, or such other Official Gazette as may be published under the authority of the Government of Selangor.

“Grant” means a grant of State land issued by or under the authority of His Highness the sultan, and includes a Lease in perpetuity of State land issued prior to the coming into operation of this Regulation.

“Representative” means the person authorised by law to represent the estate of person who is dead or lunatic, or otherwise under incapacity.

“Rent” means whatever is to be rendered on account of the use or occupation of land whether in money or in kind.

“Minor” means a person who has not completed the age of eighteen years.

“Penal Code” means the Straits Settlements Penal Code, as for the time being modified for use in the State of Selangor.

“Prescribed” means prescribed by rules made under this regulation.

“Resident” means the British Resident in Selangor for the time being.

“Waste Land” means all lands in Selangor not being customary land which have not been or may not hereafter be reserved for or dedicated to any public purpose, or which have not been granted or leased, or agreed to be granted or leased, to any person: and includes all lands which at the time of the commencement of this Regulations may have become and which hereafter may become, forfeited by reason of any breach in the conditions on which the same have been granted or leased or agreed to be granted or leased.

Words importing the singular number shall include the plural, and words importing the masculine gender shall include the feminine gender, when not inconsistent with the context.

4. Under and subject to the provisions of this Regulation the Resident in the name and on behalf of His Highness the Sultan shall grant or otherwise dispose of lands for the time being belonging to the State for such interest and in such manner as is hereby authorised and not otherwise.
5. The Resident may from time to time, either by a general or particular description reserve from sale either temporarily or permanently any State lands which in his opinion are required for any public purpose, whatsoever, or for quays, landing-places, tramways, railways and railway station, roads, canals or other internal communication, or for reservoirs, public aqueducts, or watercourses, or for the use or benefit of the aboriginal inhabitants, or for the sites of markets, abattoirs, public baths or wash-houses, schools, colleges, places of public worship, dwelling houses for the Ministers of any religious denomination, reformatories, libraries, museums or other institutions for public instruction, hospitals, asylums or infirmaries, or for experimental farms, and for the growth and preservation of timber gardens, parks, or places for the internment of the dead, or for the recreations, convenience or amusement of the people, and by the same or any subsequent notice may be except from occupation for mining purpose or for residence or business under any mining license any specific portion of State lands or any class of State lands; and no land so excepted, shall be

occupied under any mining license or lease, until such exception shall be revoked.

6. After any land has, been temporary reserved from sale the same shall not be sold until such temporary reservation shall have been revoked by the Resident, and after any lands has been permanently reserved from sale every disposition thereof except for the purpose for which such reservation has been made shall be absolutely void, as well against His Highness the Sultan as all other persons whomsoever.
7. Before any land is permanently reserved as here in before mentioned notice of the intention to reserve the same shall be published in the Gazette for four consecutive weeks before the same shall be so reserved, and the purpose for which it is to be reserved, shall be fully described and stated.
8. When any land has been temporarily reserved as here in before mentioned, or excepted from occupation under Part VI hereof, notice of such reservation or exception shall be published in the Gazette, and before any such temporary reservation or exception shall be revoked, notice of the intention to make such revocation shall be published for four consecutive weeks in the Gazette.
9. Every grant, lease or other instrument heretobefore executed by the Resident on behalf of His Highness the Sultan, or by any officer of Government duly authorised in the behalf, shall subject to the conditions thereof, be valid and effectual as well against His Highness the Sultan and his successors as against all other persons.
10. The Resident may divide into districts the territory of the State, and may also sub-divide any district into mukims and towns, and by Proclamation to be published in the Gazette may define the boundaries of such district, mukims or towns and may distinguish each by a name, and after such Proclamation the territory comprised within the boundries of any of the said divisions shall thenceforward be recognised as a district, mukim or town by the name so given as aforesaid. Provided that it shall be lawful for the Resident by Proclamation in the Gazette

to diminish or extend the area of any district or mukim to any other adjacent district or mukim, and to divide any district or mukim into two or more districts or mukims, and to give to each a distinguishing name.

11. The Resident may, from time to time, make, and when made vary or rescind rules providing for:-

- (i) The mode in which applications for land shall be made, the sale of State Land by auction and the term on which grants, leases or other dispositions shall be issued.
- (ii) The time and place at which person to whom rent or assessment due to the State shall be paid.

PART III

CUSTOMARY LAND

18. Nothing contained in this Part shall apply to the following:-

- (a) Land temporarily or permanently reserved from sale, or included in any reserved forest or mining reserve;
- (b) The soil of any public road, canal, drain or embankment;
- (c) Land included within the boundaries of any town;
- (d) Land being, when this Regulation comes into force, the site or compound of any church, mosque, temple or other religious edifice, and continuing to be used for the purpose of such church, mosque, temple or other religious edifice.

The Resident may, from time to time, by Notification published in the Gazette exclude any other land from the operation of this Part.

19. When the boundaries of any lands exempt or excluded under Section 18 from the operation of this Part need definition for

the purpose of that section, and no other mode of defining them is provided by law, the Resident shall cause them to be defined, in such manner as he shall think fit. If before they are defined any question arises as to whether any land is included within them, such question shall be decided by the District Officers, subject to appeal and review as hereinafter provided.

20. No right of any description shall be deemed to have been or shall be acquired by any person over any land to which this Part applies except the following:-
 - (a) Rights created by a grant, lease or agreement made by or on behalf of the Government of Selangor.
 - (b) Rights created or originating in any of the modes hereinafter specified;
 - (c) Rights legally derived from any right mentioned in Clauses (a) and (b) of this section.
21. Except as provided in Section 53 any person, being a Muhammadan, who has been without written authority for ten years continuously in possession of any agricultural land in respect of which the revenue due thereon (if any) to the State has been regularly paid, shall be deemed to be on the expiration of that period a customary landholder in respect of such land.

Explanation - When land in the possession of one person comes immediately into the possession of another, by transfer or transmission, the possession is deemed to be continuous for the purpose of reckoning the period above-mentioned.

22. The status of a customary land-holder may also be acquired by a Muhammadan applicant for waste land, if the District Officer thinks fit to recognise him as a customary-landholder in respect of such land, in which case the District Officer shall cause the necessary entries to be made in the Register of Customary lands, hereinafter mentioned, and

there-upon such applicant shall become and be a customary land-holder in respect of such land and shall hold the same subject in all respects to the provisions of the Regulations.

23. A customary land-holder shall be deemed to have a permanent, transmissible, and transferable right of the use and occupancy in his land subject to the provisions of this Part, and -
 - (a) To the payment of all such assessment as may, from time to time, be imposed in respect of customary land under this Regulations;
 - (b) To the reservation in favour of the Government of all mines and mineral products, and of all buried treasure, with full liberty to work and search for the same, paying to the customary land-holder only compensation for surface damage as assessed by the District Officer.

Provided that it shall not be lawful for customary land to be the transferred or transmitted to any person not being a Muhammadan, and every such transfer or transmission made to a person not being a Mohammadan shall be absolutely void.

24. Any customary land-holder, who for three consecutive years suffers his customary land to remain uncultivated, and the assessment thereon to remain unpaid, shall be held to have forfeited his status of customary land-holder in respect of such land.
25. At every District Office there shall be maintained a Register of Customary Lands in the form of Schedule B hereto, in which the District Officer shall enter the particulars of the lands held by every land-holder in the district.
26. Any person asserting that he himself or any other person through whom he claims, is or has become a customary land-holder in respect of any land may apply to the District Officer to record him as such in the Register of Customary

Lands, and the District Officer, if it appears to him after a notice of such application has been published for such period and in such manner as the Resident may by rule prescribe, and after enquiry as the District Officer may think fit to make, that the application ought to be granted, shall make the necessary entry to the effect.

27. An appeal shall lie from any order made by the District Officer under the preceding section to such officer to such limitations as to time and other conditions as the Resident may, from time to time, by rule direct.
28. For the purposes of any enquiry made by district Officer under Section 26 hereof, or by an officer to whom appeal may be made under Section 27 hereof, such District Officer or officer may require, by a summons under his hand, any person being within the State to attend before him or before some District Officer in his possession named and, if necessary, to produce all documents in any land in the State.
29. No Court shall exercise jurisdiction as to any claim or question in respect of which jurisdiction is given by this Part to the District Officer.
30. All customary land shall be liable to an assessment, the rate of which per acre shall be fixed and registered shall remain in force for such period as the Resident shall by Notification in the Gazette direct, provided such shall not exceed thirty years and shall not be less than seven years. At the end of that period and of every successive revenue period, the rate will liable to revision.
31. (1) The amount of assessment payable in respect of any customary land shall be communicated to the customary landholder entitled to such land by a notice to be served or published in the prescribed manner. If the customary landholder be dissatisfied with the amount of assessment he may, within thirty days of the service or publications of such notice, appeal, in writing, to the Resident, whose order shall be final.
32. Every sum payable as assessment in respect of any customary land shall (if collected in arrears) be due jointly and sever-

ally from all persons who have been in possession of such customary land at any time during the year in respect of which such sum is due and unpaid, and from all persons who have held under them as tenants.

